

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"KERAJAAN beta juga telah membuat pelaburan dalam penggunaan Artificial Intelligence, supaya orang ramai dapat membantu Kementerian Kesihatan bagi melaksanakan penjagaan kesihatan secara sistematis".

- Titah Perutusan Khas Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK
4.42 4.52 6.11 6.34 12.20 3.33 6.26 7.37

TAHUN 65 / BILANGAN 49

22 APRIL 2020 / 1441 شعبان 28

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI RABU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 21 APRIL 2020, 5:00 petang

JUMLAH KES JANGKITAN

138

JUMLAH KEMATIAN

1

JUMLAH KES YANG SEMBUH

116

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148



COVID-19 : Tiada kes baharu dicatat, 21 kes masih dirawat



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kanan) ketika hadir menjelaskan Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 pada Sidang Media yang berlangsung di Kementerian Kesihatan. Juga hadir, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kiri).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan hari ini bahawa tidak ada kes baharu jangkitan wabak COVID-19 disahkan di negara ini dan jumlah keseluruhan kes COVID-19 masih kekal seramai 138 orang.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan, tidak ada kes yang disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal

kepada 116 orang.

"Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada 21 kes. Daripada jumlah tersebut, dua daripadanya masih dalam keadaan kritis dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (Heart / Lung Machine (ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Ke muka 2

Kempen 'Buy Local Produce' bantu produk pertanian tempatan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 April. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama padu daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Ghanim International Corporation Sdn. Bhd. dan Darussalam Enterprise (DARE) akan memperkenalkan Kempen 'Buy Local Produce'.

Ia berikutan dengan penutupan sementara beberapa buah tamu di Tutong dan Seria sebagai langkah-langkah membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

Objektif utama inisiatif Kempen 'Buy Local Produce' ini adalah untuk memastikan pendapatan para peniaga tamu dan petani-petani tempatan sentiasa terjamin dan tidak terjejas dengan penutupan sementara ini. Inisiatif ini juga akan dapat memastikan kestabilan harga produk-produk pertanian, seperti sayuran dan buah-buahan serta untuk menggalakkan penanaman produk pertanian secara berterusan.

Ke muka 2

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



PENUTUPAN sementara masjid, surau, balai ibadah dilanjutkan

Muka 5



LESEN tahunan perkhidmatan telefon bimbit ditiadakan

Muka 6



INISIATIF Kempen Pembersihan pupuk semangat kerjasama

Muka 13



MAKMAL Rujukan Virologi Kebangsaan menepati standard, kualiti dan functionality

Muka 22

COVID-19 : Tiada kes baharu dicatat, 21 kes masih dirawat



SIDANG Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 tersebut disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

Pada hari ini juga menurut Yang Berhormat, seramai 139 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kuarantin ialah sebanyak 2,408 orang.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu tambah Yang Berhormat, sebanyak 273 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 11,906 ujian.

Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa mengenai dengan kes yang sembuh, tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa satu kes yang sedemikian disahkan sembuh, manakala tidak ada kes baharu dilaporkan dan ini membawa jumlah

keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini kekal sebanyak 18 orang di mana 12 orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.

"Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan kepada orang ramai yang melawat pesakit di hospital-hospital supaya mengikuti peraturan dan arahan yang telah ditetapkan. Sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 di hospital-hospital, mana-mana pelawat atau penjaga yang kurang sihat tidak akan dibenarkan masuk ke hospital, manakala mereka yang berisiko tinggi adalah tidak digalakkan melawat pesakit," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu tambah Yang Berhormat bahawa orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak melawat secara beramai-ramai dan untuk mengehadkan tempoh masa lawatan.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

Kempen 'Buy Local Produce' bantu produk pertanian tempatan

Dari muka 1

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Melalui inisiatif ini tambah Yang Berhormat, pihak Ghanim dan DARE akan membantu para peniaga tamu dan petani

tempatan yang berkenaan dari segi penjualan produk hasil tanaman mereka, yang biasanya dijual di tamu-tamu, untuk dibekalkan kepada pembeli-pembeli seperti pasar raya, restoran dan orang ramai.

"Alhamdulillah, setakat ini sebanyak 54 para peniaga tamu dan petani-petani tempatan yang lazimnya berjual di Tamu Tutong dan Seria serta empat buah rangkaian pasar raya (*supermarket chains*) telah menunjukkan minat untuk ikut serta dalam kempen ini. Kempen ini diharap akan lebih ramai lagi para peniaga tamu dan petani-petani tempatan serta kedai-kedai dan restoran akan dapat sama-sama mendukung dan ikut serta di dalam kempen ini," ujarnya.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai Kempen 'Buy Local Produce', orang ramai bolehlah menghubungi Ghanim International Corporation (GIC) Sdn. Bhd. di talian +673 8890020.



YANG Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19.

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN 33 °C 26 °C PEKAN BANGAR 33 °C 25 °C	32 °C 25 °C 33 °C 24 °C	32 °C 25 °C 33 °C 25 °C
PEKAN TUTONG 33 °C 25 °C	32 °C 25 °C	32 °C 25 °C
KUALA BELAIT 33 °C 25 °C	32 °C 25 °C	32 °C 25 °C

Watalauham Bissawab | Talian Cuaca | Brunei WX App |

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
22	RABU	28	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26 7.37
23	KHAMIS	29	4.41	4.51	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26 7.37
24	JUMAAT	1 RAMADAN	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26 7.37
25	SABTU	2	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26 7.37
26	AHAD	3	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26 7.38
27	ISNIN	4	4.40	4.50	6.10	6.32	12.19	3.34	6.26 7.38
28	SELASA	5	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26 7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
NDMC 123 2380214

Dari Sidang Pengarang.

22 APRIL 2020 BERSAMAAN 1441 شعبان 28

BANTUAN RINGANKAN BEBAN

COVID-19 ternyata telah membawa banyak penderitaan kepada alam sejagat. Menurut laporan terkini, seramai 2,424,419 telah didapati positif, dan dijangkiti dengan wabak tersebut seluruh dunia, sementara 170,042 jumlah kematian dilaporkan akibat daripada wabak itu.

Akibat daripada wabak tersebut juga, telah menjadikan ekonomi kebanyakan negara, dan ia tidak terkecuali dengan negara kita. Dan yang amat ketara terkesan akibat COVID-19 ialah kebanyakan peniaga, termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) atau mereka yang berniaga sendiri.

Kerana itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dan dengan kerjasama institusi-institusi yang berkaitan, termasuk Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah memperkenalkan beberapa Paket Stimulus Ekonomi untuk membantu mereka yang terkesan supaya dapat meneruskan perniagaan masing-masing.

Bagi tujuan kebajikan itu baginda telah turut menitahkan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk bekerjasama dalam membangun Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang akan dilancarkan dalam bulan Julai tahun ini, insyaaAllah. Kerana baginda sendiri sedia memahami, baik sebelum mahupun sesudah tularnya jangkitan wabak COVID-19, terdapat ramai di kalangan masyarakat yang masih memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan. Sistem ini nanti insyaaAllah akan memudahkan permohonan-permohonan untuk membuat permohonan kepada kerajaan.

Sementara itu, baginda juga telah menitahkan akan turut membantu golongan yang terjejas pendapatan akibat COVID-19, iaitu daripada kalangan penamu, penjual di pasar, pemandu teksi dan pemandu motor tambang. Bantuan ini akan diuruskan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Titah Perutusan Khas baginda berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 itu, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah menyerahkan sebanyak BND1,938,600 baru-baru ini kepada kepada beberapa Kategori Peniaga, Pengusaha Kecil yang terjejas pendapatan akibat penularan jangkitan wabak COVID-19 yang terdiri daripada peniaga-peniaga tamu, gerai dan pasar, pemandu-pemandu perahu, teksi, Dart dan pemandu pelancongan (*tour guide*), yang berdaftar di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Bantuan kewangan MUIB yang diberikan kepada Peniaga, Pengusaha yang terjejas pendapatan akibat penularan Wabak COVID-19 ini adalah daripada Kumpulan Wang Pentadbiran Am, MUIB, iaitu wang kutipan hasil perkhidmatan agama, seperti Mahkamah-Mahkamah Syariah, bayaran sijil dan Permit Halal, faedah bank (*interest*), penjualan dan pengambilan balik tanah kerajaan, sewa tanah, sewa kedai, wang yang diserahkan kepada Baitul Mal dan harta yang tidak bertuan. Bantuan tersebut termasuk kepada mereka yang bukan beragama Islam.

Bantuan telah diserahkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengaral Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Di-Pertua MUIB kepada Menteri-menteri dari kementerian-kementerian yang terlibat.

Kita selaku rakyat dan penduduk negara ini, lebih-lebih lagi bagi para peniaga dan pengusaha yang terkesan akibat daripada wabak tersebut setentunya rasa gembira dan bersyukur dengan bantuan ini. Selain dapat meringankan beban, kehidupan akan lebih terjamin dan selesa, lebih-lebih lagi untuk menyara kehidupan keluarga seharian.

Dengan yang demikian sama-sama kita berdoa mudah-mudahan wabak COVID-19 akan cepat berakhir dan semua warga dunia dapat menjalani kehidupan seperti biasa. Aamiin Ya Rabbal Alamin.. Ketua Penyuntingan (Zs).

1,534 bersetuju pembayaran pence melalui bank

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
 Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 April. - Memandangkan jumlah penerima yang memilih kaunter pembayaran adalah masih ramai, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) akan meneruskan lagi membuat pembayaran Pencen Perkhidmatan dan Pencen Turunan (balu serta tanggungan) bagi penerima yang belum menghadapkan nombor akaun bank melalui kaedah pandu lalu (*drive-thru*) sahaja, seperti yang dilaksanakan pada bulan Mac yang lepas.

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Pembayaran melalui kaedah pandu lalu akan diadakan di tempat

Ekonomi negara masih catat perkembangan positif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 April. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata bahawa pandemik COVID-19 sangat mempengaruhi kemerosotan bekalan dan permintaan sehingga memberi impak kepada kejatuhan harga minyak mentah dunia.

"Secara global terdapat empat penanda aras utama untuk minyak mentah, iaitu West Texas Intermediate (WTI), Brent, Dubai dan Tapis. Harga minyak mentah WTI jatuh sehingga di bawah kosong yang bermaksud negatif serendah 37 dolar Amerika setong," ujarnya pada sesi soal jawab semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa penghasilan di Brunei akan diteruskan dan juga membuat perbincangan bersama Brunei

penurunan di depan dewan-dewan (kecuali bagi Daerah Temburong), iaitu bagi Daerah Brunei-Muara, pembayaran akan dibuat di Dewan Pusat Persidangan Antarabangsa; bagi Daerah Belait, pembayaran akan dibuat di Dewan Persidangan Kuala Belait; bagi Daerah Tutong, pembayaran akan dibuat di Dewan Kemasyarakatan, Tutong; dan bagi Daerah Temburong, pembayaran akan dibuat di Pejabat Jabatan Perbendaharaan, Temburong, iaitu tempat lazim pembayaran dibuat setiap bulan.

Menurut Yang Berhormat bahawa ini merujuk kepada perkara yang disampaikan semasa Sidang Media pada 14 Mac 2020 dan 26 Mac 2020 yang lalu, iaitu berkenaan dengan Pembayaran Pencen Perkhidmatan dan Pencen Turunan (balu serta tanggungan) di mana setakat 20 April 2020 seramai 1,534 orang penerima bersetuju bagi pembayaran pence dilaksanakan melalui bank dan selebihnya, iaitu kira-kira sebanyak 2,612 orang penerima masih belum menghadapkan nombor akaun bank.

Sehubungan itu jelas Yang Berhormat, mengambil kira tarikh-tarikh Pembayaran Pencen Perkhidmatan dan Pencen Turunan (balu serta tanggungan) adalah jatuh pada bulan Ramadan, maka pembayaran akan dimulakan pada jam 7.30 pagi hingga 1.00 petang selama tiga hari, iaitu Selasa, 28 April, Rabu, 29 April dan Khamis, 30 April 2020.

"Para penerima pence adalah diingatkan untuk membawa Kad Pengenalan asal masing-masing untuk kegunaan pihak Jabatan Perbendaharaan. Dalam masa yang sama, sekali lagi

Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin menyarankan agar para penerima yang mempunyai kad akaun bank, tetapi belum mendaftarkannya ke Jabatan Perbendaharaan, adalah dinasihatkan untuk membawa bersama salinan kad akaun bank berkenaan untuk proses pembayaran pence bagi bulan berikutnya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, pembayaran pada hari-hari berikutnya akan dibuat di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Daerah Brunei-Muara dan di Cawangan-cawangan Jabatan Perbendaharaan di Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong selama 10 hari waktu bekerja.

Jelas Yang Berhormat lagi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sukacita memohon kerjasama penerima-penerima untuk mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa yang akan membantu dalam menyusun barisan kenderaan serta nasihat-nasihat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan untuk tidak datang terlalu awal; secara berkumpulan dan tidak keluar dari kereta dan berkumpul di kawasan pembayaran menunggu giliran masing-masing dan seterusnya untuk beredar setelah urusan selesai.

Jika terdapat sebarang pertanyaan ke atas tatacara pembayaran yang dimaksudkan, para penerima bolehlah menghubungi terus talian-talian yang disediakan, iaitu +673 2380822 / +673 2383469.

Shell mengenai perkara ini dan inilah masanya untuk memastikan bahawa kita selalu mempunyai kepelbagai portfolio pembeli, di mana sebilangan besar pembeli dari wilayah Asia Pasifik dan negara Asia Utara yang lain. Sementara itu, Yang Berhormat menjelaskan ekonomi negara juga tidak terkecuali dari impak COVID-19.

Yang Berhormat berkata bahawa perbandingan dengan tahun lalu, ekonomi Negara Brunei Darussalam meningkat 3.9 peratus dan ia perkembangan tinggi dalam ekonomi kita selama 13 tahun terakhir dan bukan sahaja kita melihat perkembangan di sektor minyak dan gas, tetapi juga di sektor lain melihat perkembangan yang positif.

Tambahnya, kita juga melakukan penilaian dalam dan pada masa itu kita belum jelas mengenai pengaruh COVID-19, namun apa yang jelas, negara kita masih meneruskan operasi ekonomi seperti biasa, di mana banyak perniagaan masih terus beroperasi. Jelas Yang Berhormat, kita juga ingin terus melihat perkembangan ekonomi yang positif untuk tahun ini.

Mengenai COVID-19 Relief Fund, Yang Berhormat menjelaskan bahawa pihak Kementerian akan terus memperuntukkan sebahagian dari dana tersebut bagi apa sahaja peralatan tambahan atau keperluan yang diperlukan atas nasihat Kementerian Kesihatan.

"Apa yang penting kita lihat dalam laporan audit adalah

memastikan dana digunakan dengan tepat, agar tidak

disalahgunakan atau adanya

penyalahgunaan dan sebagainya," ujarnya.

Bagi menjawab persoalan mengenai kaedah pandu lalu bagi Pembayaran Pencen Perkhidmatan dan Pencen turunan (balu serta tanggungan) mendapat sambutan yang menggalakkan. Yang Berhormat juga ingin mengingatkan kepada para penerima untuk tidak datang terlalu awal bagi mengelakkan daripada perkumpulan ramai.

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tiada larangan beriadah, tetapi hendaklah patuhi arahan pihak kerajaan

Kementerian Kesihatan tidak ada halangan bagi orang ramai untuk mengunjungi tempat-tempat beriadah tersebut, akan tetapi orang ramai hendaklah mematuhi segala arahan-arahan dan nasihat pihak kerajaan.

Orang ramai perlu melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan seperti tidak mengunjungi tempat-tempat beriadah jika merasa kurang sihat, mengelakkan daripada berkumpul atau melepas sebelum, semasa dan sesudah membuat kegiatan fizikal serta segera beredar setelah selesai, mengamalkan kebersihan diri dan persekitaran serta mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul.

Penutupan sementara dilanjutkan hingga 27 April 2020

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin mengumumkan bahawa penutupan sementara masjid, surau dan balai-balai ibadat seluruh negara adalah dilanjutkan lagi selama satu minggu mulai Selasa, 27 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 21 April 2020 Masihi hingga Isnin, 5 Ramadhan 1441 Hijrah bersamaan 27 April 2020 Masihi.

Sembahyang Sunat Tarawih disarankan di rumah masing-masing

Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) memutuskan supaya orang ramai mengadakan Sembahyang Sunat Terawih Berjemaah dan Bertadarus membaca Al-Quran di rumah masing-masing dalam kalangan keluarga sahaja bagi mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, iaitu 'Guidelines on Mass Gatherings, Social Events, Meetings or Training Sessions' yang bertarikh pada 18 April 2020 Masihi.

JPP dibenarkan mengambil barang di Pos Miri, Limbang

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mengongsikan bahawa hasil daripada perundingan dua hala antara Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Pos Malaysia, Pos Malaysia memberikan kebenaran kepada JPP selaku wakil bagi pengambilan barang di Pos Miri dan Pos Limbang bagi penerima-penerima yang berada di NBD.

Bagi memudahkan proses penghantaran dan penerimaan barang yang dibeli secara online dari luar negara, orang ramai adalah disarankan untuk menggunakan alamat di NBD, di mana barang berkenaan akan dapat dikendalikan dengan sebaik mungkin.

Gunakan aplikasi QueUp buat tempahan perjanjian

Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penyediaan Sistem Tempahan Perjanjian bagi membaharui Lesen Kenderaan dan Lesen Memandu melalui aplikasi QueUp yang boleh dimuat turun melalui Apple App Store bagi pengguna iOS dan juga Google Play Store bagi pengguna Android mulai 20 April 2020.

Penyediaan Sistem Tempahan Perjanjian bagi membaharui Lesen Kenderaan dan Lesen Memandu melalui aplikasi QueUp ini adalah bagi keselesaan dan kemudahan orang ramai untuk membuat urusan sama ada di Pusat Memproses Mel dan Bungkus (MPC), Jabatan Perkhidmatan Pos dan juga di JPD.

Lesen tahunan perkhidmatan telefon selular ditiadakan

Atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi memaklumkan bahawa bayaran Cellular Mobile Subscriber License (CMSL) Fee, iaitu Yuran Lesen Tahunan sebanyak BND25 yang dikenakan kepada setiap pengguna perkhidmatan telefon selular di Negara Brunei Darussalam adalah ditiadakan bermula 24 Januari 2020.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148

Kes COVID-19 kekal 138



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (kiri), Yang Berhormat Menteri Kesihatan (tengah) dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (kanan) pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa tiada kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini, di mana jumlah keseluruhan kes COVID-19 masih kekal seramai 138 orang. Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan bahawa satu kes aktif disahkan sembah daripada COVID-19, yang menjadikan jumlah keseluruhan yang sembah menjadi 116 orang.

"Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada 21 kes. Daripada jumlah tersebut, dua daripadanya masih dalam keadaan kritis dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorpororeal Membrane Oxygenation - ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik,"

demikian terang Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Pada hari ini juga, tambah Yang Berhormat, seramai 138 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin ialah sebanyak 2,408 orang.

Dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 161 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 11,633 ujian.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan mengenai kes yang sudah sembah, tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin juga memaklumkan bahawa tidak ada kes sedemikian dikesan pada hari ini. Jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini

adalah kekal sebanyak 18 orang, di mana 13 orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.

"Setakat 7 April 2020, sebanyak 1,001 ujian COVID-19 rambang bagi tujuan surveillance dijalankan kepada pekerja warga asing, di mana keputusannya adalah semua negatif. Di samping itu, sebagai langkah berjaga-jaga, bermula 16 April 2020, Kementerian Kesihatan juga menjalankan ujian COVID-19 kepada banduan-banduan di dalam semua institusi penjara dan penghuni Pusat Pemulihan Al-Islah, termasuk mereka yang baru masuk ke fasiliti-fasiliti tersebut bagi tujuan surveillance. Setakat ini, alhamdulillah, semua keputusan ujian adalah negatif. Pihak Kementerian Kesihatan akan meneruskan ujian surveillance seperti ini dari semasa ke semasa," ujar Yang Berhormat.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai bolehlah melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.



JIKA INGKAR

SABIT KESALAHAN
TINDAKAN DENDA
SEHINGGA \$10,000 DAN
PENJARA SELAMA
TEMPOH 6 BULAN ATAU
KEDUA-DUANYA SEKALI

**Sorry...
TEMPORARILY
CLOSED**

Penutupan sementara masjid, surau, balai ibadah dilanjutkan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
 Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Penutupan sementara masjid, surau dan balai-balai ibadat seluruh negara adalah dilanjutkan lagi selama satu minggu mulai Selasa, 27 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 21 April 2020 Masihi hingga Isnin, 5 Ramadan 1441 Hijrah bersamaan 27 April 2020 Masihi.

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

"Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin mengumumkan bahawa oleh kerana masih ada kekhawatiran mengenai bahaya jangkitan COVID-19 di negara kita, maka penutupan sementara masjid, surau dan balai-balai ibadat seluruh negara yang akan berakhir pada waktu Isyak, 27 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 20 April 2020 Masihi adalah dilanjutkan lagi selama satu minggu mulai Selasa, 27 Syaaban 1441 Hijrah

Tiada larangan beriadah, tetapi patuhi arahan kerajaan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika hadir pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Berikut dengan kenyataan mengenai larangan untuk membuat aktiviti yang melibatkan perkumpulan ramai di tempat-tempat awam, terutama di taman dan hutan rekreasi, pantai-pantai dan tasik-tasik, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji

menjelaskan bahawa pihak Kementerian Kesihatan tidak ada halangan bagi orang ramai untuk mengunjungi tempat-tempat beriadah tersebut, akan tetapi orang ramai hendaklah mematuhi segala arahan-arahan dan nasihat pihak kerajaan.

Semasa menjelaskan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat menyatakan, ia termasuklah mempraktikkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter daripada orang sekeliling dan tidak membuat kegiatan secara berkumpulan ramai.

"Orang ramai perlu melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan seperti tidak mengunjungi tempat-tempat beriadah jika berasa kurang sihat, mengelakkan daripada berkumpul atau melepak sebelum, semasa dan sesudah membuat kegiatan fizikal serta segera beredar setelah selesai, mengamalkan kebersihan diri dan persekitaran serta mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul," ujar Yang Berhormat.

Social Events, Meetings or Training Sessions' yang bertarikh pada 18 April 2020 Masihi.

Berhubung dengan signifikan menyemarakkan bulan Ramadan, Yang Berhormat mengongsikan tentang fadilatnya menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Abdullah bin Amr, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Puasa dan Al-Quran itu akan memberikan syafaat kepada seseorang hamba pada Hari Kiamat kelak, amalan puasanya akan berkata : Ya Allah, aku telah menahannya daripada mengambil makanan, minuman dan nafsu syahwat pada siang hari, sehingga dia memohonkan syafaat kepada ku. Al-Quran pula berkata : Ya Allah aku telah melarangnya untuk tidur pada malam hari, sehingga dia telah memohonkan syafaat kepada ku, maka kedua-duanya pun memberikan syafaat".

Menurut Yang Berhormat, apabila seorang Muslim dapat mengumpulkan dua keutamaan di bulan Ramadan secara sempurna, iaitu dengan berpuasa di siang hari dan menghidupkan malamnya dengan sembahyang juga membaca Al-Quran, maka Allah Subhanahu Wata'alha berhak untuk memberikan ampunan kepadanya dan pada Hari Kiamat kelak mencapai hisab yang ringan sebab puasa juga Al-Quran akan dapat memberikan syafaat kepadanya.

"Sesungguhnya penutupan

sementara yang sudah masuk minggu keenamnya ini adalah sangat berat dirasakan, tambahan pula menjelang bulan Ramadan. Namun demikian, kita sedia memahami bahawa penutupan sementara masjid, surau dan balai-balai ibadat adalah sebahagian daripada langkah-langkah penting yang sedang dikuatkuasakan dalam usaha menghindari bahaya wabak COVID-19 dan sekali gus untuk memelihara keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan kita sekalian di negara ini," jelas Yang Berhormat.

Seterusnya dalam rasa terkilan, sedih dan kecewa dengan sebab tidak dapat beribadat di masjid pada masa ini, maka Yang Berhormat menyeru agar kita berpandulah kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Musa Al-Asy'ari Radiallahuanhu beliau berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Apabila seseorang hamba itu sakit atau bermusafir, akan ditulis buat dirinya ganjaran sama seperti yang diamalkannya semasa bermukim atau sihat," hadis riwayat Imam Al-Bukhari.

Imam Ibn Hajar Al-Asqalani dalam kitabnya (*Fathul al-Bari Sharh Sahih Al-Bukhari*) berkata : hadis ini ditujukan bagi hak mereka yang melakukan ketaatan lalu terhalang dari melakukannya, iaitu dalam hal ini bermaksud seseorang yang istiqamah ke



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika hadir pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 itu.

masjid untuk melakukan sembahyang berjemaah dan amal ibadah lain, tetapi tidak ke masjid kerana terhalang, maka dia akan tetap menerima pahala berjemaah walaupun dia tidak ke masjid.

"Oleh itu, sewajarnyalah kita bersabar, meningkatkan semangat mematuhi arahan-arahan atau panduan dan nasihat daripada pihak yang berkuasa, terutama Kementerian Kesihatan demi kepentingan bersama. Semoga dengan kesabaran kita itu, Allah akan merahmati dan kita akan segera terkeluar daripada wabak ini sepenuhnya," ujar Yang Berhormat.

Permohonan membaharui lesen memandu, kenderaan dalam talian menggalakkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof menjelaskan bahawa permohonan-permohonan bagi membaharui Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan melalui dalam talian (*online*) menunjukkan perkembangan yang menggalakkan.

"Alhamdulillah, terdapat perkembangan yang menggalakkan, iaitu peningkatan purata mingguan dari 68 permohonan secara dalam talian (*online*) kepada 351 permohonan, iaitu peningkatan sebanyak lima kali ganda dari 21 Mac 2020; daripada jumlah keseluruhan permohonan sebanyak kira-kira 1,000 hingga 2,000 permohonan sehari," demikian jelas Yang Berhormat semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Dalam hubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penyediaan Sistem Tempahan Perjanjian bagi membaharui Lesen Kenderaan dan Lesen Memandu

melalui aplikasi QueUp yang boleh dimuat turun melalui Apple App Store bagi pengguna iOS juga Google Play Store bagi pengguna Android mulai 20 April 2020.

Penyediaan Sistem Tempahan Perjanjian bagi membaharui Lesen Kenderaan dan Lesen Memandu melalui aplikasi QueUp ini adalah bagi keselesaan dan kemudahan orang ramai untuk membuat urusan, sama ada di Pusat Memproses Mel dan Bungkusian (MPC), Jabatan Perkhidmatan Pos dan juga di JPD.

Terdahulu Yang Berhormat berkata, merujuk kepada Kenyataan Media pada 27 Mac 2020 yang lalu mengenai dengan perubahan dalam proses perkhidmatan di JPD, dalam jangka masa dua minggu kebelakangan ini, beberapa inisiatif telah pun diungkayahkan bagi mengurangkan kesesakan pengunjung ke kaunter JPD dan di cawangan-cawangan JPD, termasuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan *online*, Pay and Collect dan Talian Darussalam 123.

Walau bagaimanapun ujar Yang Berhormat, memang diakui masih terdapat kekurangan, khususnya dalam memastikan keselesaan orang awam, termasuklah melalui satu percubaan untuk mengadakan perkhidmatan secara *drive-thru* di cawangan-cawangan JPD.

"Bagi pihak JPD dan MTIC,

saya ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin timbul daripadanya. Dalam hal ini juga, MTIC ingin mengambil kesempatan ini bagi merakamkan ucapan terima kasih kepada orang ramai atas kerjasama dan pemberian *feedback* dan pandangan yang telah diberikan setakat ini, khususnya termasuk membuat permohonan-permohonan bagi membaharui Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan melalui dalam talian (*online*), di mana telah pun menunjukkan perkembangan yang menggalakkan," jelas Yang Berhormat.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 berkenaan.

Lesen tahunan perkhidmatan telefon bimbit ditiadakan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awab

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) suakata memaklumkan bahawa bayaran Cellular Mobile Subscriber License (CMSL) Fee, iaitu Yuran Lesen Tahunan sebanyak BND25 yang dikenakan kepada setiap pengguna perkhidmatan Cellular Mobile di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah ditiadakan bermula 24 Januari 2020.

Peniadaan Lesen Tahunan ini adalah satu langkah positif yang diusahakan bersama

oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Pihak Berkusa Industri Teknologi Infokomunikasi (AITI) selaras dengan penyusunan semula struktur industri telekomunikasi di negara ini, seperti yang dilaksanakan pada 24 Januari 2020 yang lalu.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof mengumumkan perkara tersebut semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19.

'LANGKAH ini adalah satu usaha dalam pembaharuan dasar ke arah menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Pintar (Smart Nation), di samping menjadikan perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi lebih mudah dan mampu untuk dimiliki oleh orang ramai dan semua lapisan masyarakat dan seterusnya untuk meningkatkan tahap kesediaan masyarakat untuk menggunakan teknologi dan perkhidmatan digital yang baharu.'

Sehubungan itu, tambah Yang Berhormat, para pengguna yang Lesen Tahunan telefon bimbit mereka dikenakan pada dan selepas 24 Januari 2020 dan yang telah membayar lesen berkenaan, akan menerima bayaran semula (refund) lesen berkenaan.'

Isi borang deklarasi bagi menuntut barang

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Berikut dengan imej yang tular sejak 18 April 2020 mengenai barang-barang di pejabat pos negara jiran yang dikhaskan adalah kepunyaan pembeli-pembeli dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) mengongsikan bahawa hasil daripada perundingan dua hala antara Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), NBD dan Pos Malaysia, Pos Malaysia memberikan kebenaran kepada JPP selaku wakil bagi pengambilan barang di Pos Miri dan Pos Limbang bagi penerima-penerima yang berada di NBD.

Sehubungan itu, mana-mana pihak yang ingin menerima barang mereka melalui JPP, mereka bolehlah mengisikan satu borang deklarasi di laman sesawang www.post.gov.bn/parcel. Barang-barang ini akan diproses melalui Pusat Memproses Mel dan Bungkus (MPC) di Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan,

di sini.

Yang Berhormat berkata, bagi memudahkan proses penghantaran dan penerimaan barang yang dibeli secara online dari luar negara, orang ramai adalah disarankan untuk menggunakan alamat di NBD, di mana barang berkenaan akan dapat dikendalikan dengan sebaik mungkin.

Dalam kesempatan ini, MTIC juga ingin memaklumkan bahawa sehubungan dengan semua perkhidmatan penghantaran paket-paket kecil dan bungkus-bungkus, ia akan dihantar terus ke rumah secara door-to-door delivery oleh JPP.

"Bagi paket dan bungkus yang memerlukan pengesahan dan kebenaran dari agensi-agensi berkenaan seperti bagi pembayaran cukai, penghantaran terus ke rumah adalah tertakluk kepada persetujuan (consent) penerima," jelas Yang Berhormat.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai adalah dinasihatkan untuk menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan (CSC), Jabatan Perkhidmatan Pos di talian +673 2380481 atau +673 8711002 (WhatsApp) atau melalui e-mel cscpost@post.gov.bn.

Sementara itu, semasa menjawab soalan daripada pihak media berkaitan dengan penghantaran paket dan bungkus tersebut, Yang Berhormat juga menjelaskan, daripada maklumat awal yang diterima berdasarkan perundingan

di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, langkah ini adalah satu usaha dalam pembaharuan dasar ke arah menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Pintar (Smart Nation), di samping menjadikan perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi lebih mudah dan mampu untuk dimiliki oleh orang ramai dan semua lapisan masyarakat dan seterusnya untuk meningkatkan tahap kesediaan masyarakat untuk menggunakan teknologi dan perkhidmatan digital yang baharu.

Sehubungan itu tambah Yang Berhormat, para pengguna yang Lesen Tahunan telefon bimbit mereka dikenakan pada dan selepas 24 Januari 2020 dan yang telah membayar lesen berkenaan, akan menerima bayaran semula (refund) lesen berkenaan.

"Pembayaran semula ini akan melibatkan pelanggan-pelanggan Postpaid dan Prepaid. Proses pembayaran semula akan bermula sebaik sahaja syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan melengkapkan urusan pentadbiran masing-masing," terang Yang Berhormat.

Bagi maklumat lanjut berkaitan peniadaan CMSL dan proses pembayaran semula ini, orang ramai bolehlah melayari Laman Sesawang AITI, iaitu www.aiti.gov.bn atau menghubungi penyedia perkhidmatan masing-masing.

melalui nombor talian perkhidmatan pelanggan dan laman-laman sesawang syarikat-syarikat berkenaan.

Bagi Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), nombor talian Pelanggan ialah 151 dan laman sesawang, www.dst.com.bn, manakala bagi Imagine Sdn. Bhd. ialah 111 dan laman sesawang, www.imagine.com.bn, sementara bagi Progresif Sdn. Bhd., bolehlah menghubungi melalui Talian Pelanggan 177 dan laman sesawang, www.progresif.com.

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19.



Perkhidmatan internet terganggu susulan kerosakan rangkaian UNN

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan internet di seluruh negara terjejas susulan daripada kerosakan terhadap rangkaian perhubungan antarabangsa yang dimiliki oleh Syarikat Unified National Networks (UNN) melalui Sistem Kabel Dasar Laut SEA-ME-WE3 (SMW3) sejak 23 Februari 2020; gangguan Sistem Kabel Dasar Laut Asia-America Gateway (AAG) pada 2 April 2020; dan seterusnya gangguan terhadap Sistem Kabel Dasar Laut South-East Asia Japan Cable System (SJC) pada 17 April 2020.

Gangguan ini ditambah lagi dengan masalah yang terdapat pada Sistem Kabel Trans-Borneo Link, yang selalunya digunakan oleh UNN untuk mempelbagaikan perolehan kapasiti. Selain Negara Brunei Darussalam (NBD), situasi ini turut menjelaskan perkhidmatan internet di negara-negara serantau, termasuk Malaysia, Viet Nam, Singapura, Filipina dan Indian Sub-Continent.

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, bagi mengatasi isu peningkatan penggunaan internet, khususnya dengan bertambahnya orang ramai bertugas dari rumah dan pembelajaran diadakan dalam talian juga kesan kerosakan kabel dasar laut, MTIC difahamkan bahawa pihak UNN melaksanakan pengurusan aliran trafik bagi mengurangkan impak gangguan dan meningkatkan kapasiti tambahan pada sistem kabel yang berfungsi.

"Alhamdulillah di samping itu, UNN juga telah bekerjasama dengan penyedia kabel dasar laut bagi memulihkan rangkaian perhubungan yang sedia ada, di mana kerja-kerja pemulihan dijangka siap pada jangka masa yang terdekat ini, insyaaAllah," ujar Yang Berhormat lagi.

Tambah Yang Berhormat, MTIC melalui pihak AITI akan terus memantau keadaan ini bagi memastikan perkhidmatan internet kepada pengguna-pengguna di negara ini tidak akan mengalami gangguan secara berterusan dan akan memaklumkan perkembangannya dari semasa ke semasa.

Dalam kesempatan ini, bagi pihak penyedia-penyedia perkhidmatan telekomunikasi di negara ini, MTIC dan pihak AITI ingin menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mendapatkan maklumat terkini daripada syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi masing-masing.

'GANGGUAN ini ditambah lagi dengan masalah yang terdapat pada Sistem Kabel Trans-Borneo Link, yang selalunya digunakan oleh UNN untuk mempelbagaikan perolehan kapasiti. Selain Negara Brunei Darussalam (NBD), situasi ini turut menjelaskan perkhidmatan internet di negara-negara serantau, termasuk Malaysia, Viet Nam, Singapura, Filipina dan Indian Sub-Continent.'

Pamer keprihatinan kebajikan pelajar antarabangsa



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul semasa menyerahkan sumbangan kepada salah seorang pelajar dari Thailand (kiri) dan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam yang juga merangkap Penasihat Kedutaan dan Ketua Canseri, Puan Nadia Azura Mohd. Nudri semasa menyerahkan sumbangan pakej penjagaan kepada salah seorang pelajar dari Malaysia (kanan) pada penyampaian pakej penjagaan kepada pelajar-pelajar Thailand dan Malaysia yang sedang menuntut di Universiti Brunei Darussalam.

TUNGKU LINK, Selasa, 21 April. - Kedutaan Besar Kerajaan Thailand dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia mengadakan penyampaian pakej penjagaan kepada pelajar-pelajar Thailand dan Malaysia yang sedang menuntut di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Majlis Penyampaian Sumbangan diadakan secara ringkas di The Core, UBD. Duta Besar Istimewa dan Mutlak

Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul dan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam yang juga merangkap Penasihat Kedutaan dan Ketua Canseri, Puan Nadia Azura Mohd. Nudri menyampaikan pakej penjagaan kepada pelajar dari negara masing-masing. Pakej penjagaan tersebut merangkumi seperti makanan, penutup mulut

dan hidung (*mask*) juga *hand sanitizers*.

Antara yang hadir dalam majlis tersebut ialah Penolong Naib Canselor (Korporat dan Pentadbiran), Dayang Hajah Rubiah binti Haji Yacub; Dekan Pelajar, Awang Saidai bin Haji Hitam; dan Penyelaras Pejabat Pelajar Antarabangsa, Sendi anak Batu.

Seramai 16 pelajar Thailand dan tiga pelajar Malaysia sedang

menuntut di UBD. Kedutaan Besar Kerajaan Thailand dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia memuji usaha besar pihak universiti dalam menjaga kesejahteraan para pelajar memandangkan wabak COVID-19 yang melanda negara.

UBD mengucapkan terima kasih dan menghargai keprihatinan korporat diplomatik yang tulus untuk kesejahteraan pelajar.

Dalam masa tiga hari dari kes

COVID-19 yang pertama diimport

di Brunei pada 9 Mac, semua

kelas dan tutorial di UBD

dibuat sepenuhnya dalam talian

(*online*) untuk mengutamakan

kesihatan dan keselamatan

pelajar, kakitangan dan komuniti

UBD.

UBD bersifat fleksibel dan

sangat responsif terhadap pelajar

antarabangsa yang pulang ke

negara asal dan menjaga mereka

yang mempunyai keperluan

perubatan juga memberi makanan

percuma kepada mereka yang

tinggal di Negara Brunei

Darussalam.

Berada di kedudukan yang

ke-298 dalam senarai Quacquarelli

Symonds (QS) World University

yang terbaru, bilangan pelajar

antarabangsa yang menuntut di

UBD memperoleh kedudukannya

sebagai salah satu universiti

teratas dunia.

Perkembangan signifikan bagi pembangunan sektor minyak dan gas negara

Siaran Akhbar : Kementerian Tenaga

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan titah perkenan bagi Perintah Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam, 2019 yang berkuasa pada 31 Disember 2019.

Perintah ini, antara lainnya mewujudkan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam, Lembaga Pengarah baginya dan hal ehwal berkaitan dengan operasi, fungsi dan tanggungjawabnya.

Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam merupakan badan berkanan yang ditugaskan oleh Kementerian Tenaga untuk menjalankan pengawalseliaan dan pemantauan operasi juga prasarana di sektor huluhan, pertengahan (*midstream*) juga hiliran minyak dan gas, juga sebagai penyimpan maklumat data petroleum negara.

Penubuhan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam merupakan perkembangan signifikan bagi pembangunan sektor minyak dan gas Negara

Brunei Darussalam juga menyumbang kepada iklim perniagaan yang lebih kondusif bagi sektor ini.

Penyatuan fungsi-fungsi pengawalseliaan di peringkat operasi di bawah satu badan adalah bertujuan untuk mempermudah operasi juga meningkatkan ketelusan proses bagi para peniaga dan pelabur ke arah pertumbuhan juga pembelagian industri minyak dan gas.

Badan berkanan ini juga akan menjadi sumber kepakaran teknikal kerajaan dalam hal ehwal petroleum.

Ia ditugaskan oleh Kementerian Tenaga sebagai badan pelaksana (*operational arm*) bagi mengkoordinasi pembangunan sektor petroleum ke arah pemeliharaan keselamatan tenaga (*energy security*) di jangka masa panjang, dan menjamin penggunaan juga pembangunan sumber minyak dan gas secara berdaya tahan, menurut hala tuju strategik Kementerian.

Antara lain peranan utamanya adalah pemantauan, pembangunan dan pelaksanaan garis pandu juga piawaian teknikal bagi meningkatkan nilai pengeluaran sektor tersebut. Ini menyumbang kepada sektor minyak dan gas

yang lebih stabil juga berdaya tahan bagi mendukung perkembangan ekonomi negara.

Sebahagian daripada fungsi-fungsi *operational* berkaitan dengan sektor minyak dan gas yang dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga digabungkan dengan peranan pengawalseliaan di bawah Syarikat PetroleumBRUNEI dalam penubuhan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam.

Maka, Syarikat PetroleumBRUNEI berfungsi semata-mata sebagai entiti komersial tanpa menjalankan hal ehwal pengawalseliaan yang bercanggahan.

Urus tadbir Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam dijalankan oleh Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Menteri Tenaga. Timbalan Pengurus baginya adalah Timbalan Menteri Tenaga. Ahli-ahli lain terdiri daripada Setiausaha Tetap (Dasar dan Fiskal) dan Setiausaha Tetap (Pelaburan) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan; dan Setiausaha Tetap (Tenaga), Kementerian Tenaga. Setiausaha Tetap (Tenaga) juga dilantik sebagai Pengarah Urusan Sementara bagi Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam.

Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19



Patuhi pengambilan ubat abiskita seperti yang diarahkan

Pastikan bekalan ubat abiskita mencukupi

Sila hubungi klinik penyakit kronik abiskita bagi sebarang perubahan sesi perjanjian

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi
Talian Nasihat Kesihatan 148

AMAF pastikan makanan berdaya tahan mencukupi, mampu milik, selamat

Siaran Akhbar :
Jabatan Pertanian
dan Agrimakanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) dalam Kenyataan Akhbar AMAF hari ini menyatakan keprihatinan mendalam para menteri terhadap wabak penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19), yang melanda kehidupan manusia dan juga ekonomi termasuk pemakanan, pertanian dan juga sektor-sektor perhutanan ASEAN dan juga global.

Para Menteri ASEAN juga turut menekankan akan pentingnya pemakanan, pertanian juga sektor perhutanan dan menggesa bagi memastikan keperluan, keselamatan juga pengeluaran nutrisi akan berterusan untuk mencapai pasaran ASEAN semasa penularan wabak COVID-19 ini.

Para Menteri ASEAN juga mengambil maklum akan potensi impak COVID-19 yang melanda kerjasama pemakanan ASEAN, pertanian dan perhutanan berserta gangguan kepada rantaian pengiriman makanan di rantau ini.

Sementara itu, dalam usaha memerangi cabaran akibat COVID-19, untuk memastikan makanan yang berdaya tahan, mencukupi, mampu milik, selamat dan bernutrisi bagi memenuhi keperluan pemakanan para penduduk ASEAN, AMAF bersetuju untuk mengesahkan semula komitmen dalam pelaksanaan kenyataan AMAF mengenai keselamatan makanan dan nutrisi untuk memperbaiki simpanan, pemeliharaan, pengangkutan, teknologi-teknologi pengagihan juga infrastruktur untuk mengurangkan ketidakselamatan makanan, kekurangan nutrisi makanan dan pembaziran.

Mengurangkan gangguan dalam rantaian bekalan makanan serantau

dengan bekerja rapat untuk memastikan pasaran-pasaran kekal terbuka dan pengangkutan pertanian dan juga produk-produk makanan diper mudahkan, dan kuarantin atau langkah-langkah yang tidak dikenakan cukai tidak menjelaskan akses bebas produk pertanian dan makanan di rantau ini.

Bagi memastikan laluan perdagangan sentiasa terbuka, termasuk melalui air, udara, dan darat bagi memudahkan akses produk-produk pemakanan dan pertanian juga infrastruktur-infrastruktur kritis, termasuk seperti lapangan-lapangan terbang dan pelabuhan-pelabuhan terbuka bagi menyokong kedaya tahanan dan integriti rantaian bekalan.

AMAF dalam kenyataannya juga turut mencatat Pernyataan Pengurus ASEAN mengenai Kolektif Respons ASEAN berkenaan Wabak COVID-19, yang menyatakan solidariti dan kesatuan ASEAN dalam usaha mereka untuk menangani pandemik COVID-19.

AMAF seterusnya mengimbau kembali di dalam Pernyataan Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) mengenai Pengukuhan Tindak Balas Ekonomi ASEAN Terhadap Wabak Penyakit COVID-19, yang memutuskan untuk terus komited dalam menjaga pasaran terbuka ASEAN untuk perdagangan dan pelaburan.

Menurut AMAF lagi, wabak COVID-19 menarik perhatian kita para menteri ASEAN bahaya langsung kekurangan makanan dan kesan buruknya terhadap pemakanan, mengingat lonjakan permintaan juga gangguan dalam rantaian bekalan secara tiba-tiba, ASEAN dan harus terus berusaha untuk memastikan kestabilan mengukuhkan sumber makanan juga usaha berterusan oleh setiap negara anggota ASEAN dan Badan Sektoral ASEAN dalam memantau juga mengurangi penyebaran COVID-19, serta kesan sosial dan ekonominya.

Untuk mengatasi cabaran yang ditimbulkan oleh wabak

COVID-19, dan untuk memastikan bekalan mampan yang mencukupi dengan harga yang berpatutan, bijaksana dan makanan nutrisi yang memenuhi keperluan pemakanan penduduk ASEAN, AMAF bersetuju untuk :

- Menegaskan kembali komitmen Menteri-menteri ASEAN dalam pelaksanaan Pernyataan Menteri-menteri ASEAN mengenai Pertanian dan Perhutanan juga Keselamatan dan Pemakanan Makanan untuk meningkatkan teknologi penyimpanan, pemeliharaan, pengangkutan juga pengedaran dan infrastruktur untuk mengurangkan makanan yang tidak selamat, kehilangan Nutrisi makanan juga sisa nutrisi makanan dan pembaziran;

- Kurangkan gangguan dalam serantau rantaian bekalan makanan dengan bekerjasama untuk memastikan bahawa pasaran sentiasa dibuka dan pengangkutan produk pertanian juga makanan diper mudahkan dan kuarantin atau lain-lain langkah-langkah bukan tarif tidak menghalang atau melambatkan aliran bebas pertanian dan produk makanan di rantau ini;

- Memastikan jalur perdagangan tetap terbuka, termasuk melalui pengangkutan udara, laut dan darat, untuk mempermudah aliran produk pertanian dan makanan, dan infrastruktur kritis, seperti udara dan pelabuhan tetap terbuka untuk menyokong daya maju dan kekuahan rantaian bekalan;

- Selaras dengan hak-hak dan obligasi di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), perjanjian meliputi Perdagangan ASEAN dalam Perjanjian Barang (ATIGA), mengelakkan daripada mengenakan kawalan eksport baharu, sekatan dan larangan, tarif dan bukan halangan tarif;

- Berusaya untuk mengurangkan kejatuhan harga yang berlebihan, khususnya kenaikan harga, memastikan

makanan dan rizab kecemasan yang mencukupi juga mencari maklumat pasaran tepat melalui pelaksanaan Sistem Maklumat Keselamatan Makanan ASEAN (AFSIS) dan Penyimpanan Beras Kecemasan ASEAN Plus Three (APTERR);

- Meneruskan usaha untuk menerapkan Garis Panduan ASEAN Mempromosikan Pelaburan Bertanggungjawab mengenai makanan, pertanian dan perhutanan untuk meningkatkan ketahanan, dan menyumbang pada mitigasi dan penyesuaian terhadap perubahan iklim, bencana alam dan sebarang kemungkinan yang tidak diduga serta lain-lain;

- Memperkuatkan usaha bersama AMAF untuk menyokong, memfasilitasi dan melaksanakan Dasar Keselamatan Makanan ASEAN (AFSP) dan Kerangka Pengawal Keselamatan ASEAN Food (AFSRF) untuk memberikan arahan kepada Badan Sektoral ASEAN dan Negara-negara Anggota ASEAN yang relevan dengan tujuan melindungi kesihatan pengguna ASEAN, memastikan amalan adil dalam perdagangan makanan dan memfasilitasi pergerakan bebas produk keselamatan makanan di ASEAN;

- Menegaskan semula sokongan untuk memastikan keselamatan makanan dengan bekerjasama di rantau ini, menyediari peningkatan penilaian risiko dan tanpa langkah-langkah keselamatan makanan berdasarkan bukti yang diselaraskan dengan sektor yang berkaitan;

- Bekerja untuk menjaga keamanan nutrisi dengan sektor-sektor lain yang relevan untuk menjaga akses penggunaan bekalan nutrien yang mencukupi untuk memastikan kehidupan yang sihat;

- Memperkuatkan peranan Lembaga Penyimpanan Keselamatan Makanan ASEAN (AFSRB) untuk segera memberikan pertukaran maklumat secara berkala mengenai polisi makanan dan pertanian

kebangsaan dan polisi stok serta program pengeluaran, penggunaan dan penyimpanan yang berkaitan dengan komoditi makanan asas dalam kalangan negara anggota ASEAN; dan

- Membuat penilaian secara berkala mengenai keadaan dan cadangan makanan di rantau ASEAN dan juga di seluruh negara, termasuk perdagangan, harga, kualiti dan stok komoditi makanan asas (seperti beras, jagung dan gula) melalui Lembaga Penyimpanan Keselamatan Makanan ASEAN (AFSRB) sebagai fokus utama, serta AGSIS dan APTERR dalam berkoordinasi dengan Kumpulan Kerja yang relevan (makanan, tanaman, ternakan, perikanan dan kehutanan) di bawah SOM AMAF.

Para Menteri ASEAN juga turut mengalui-alukan pertukaran lanjut mengenai pandangan dan kerjasama dalam makanan, pertanian dan pembangunan perhutanan dengan sektor dan rakan-rakan untuk menangani kesan buruk COVID-19 yang lain dan berusaha untuk memastikan makanan, pertanian dan perhutanan ASEAN tetap kukuh semasa wabak COVID-19 dengan terus mengekalkan pengeluaran, menyokong rantaian nilai dan memastikan akses ke tenaga kerja.

Para Menteri ASEAN juga menyeru negara anggota ASEAN untuk melaksanakan langkah-langkah yang diperlukan, tujuan dan program di peringkat kebangsaan untuk memenuhi keperluan makanan segera penduduk ASEAN, terutama kelompok yang lemah dalam masyarakat yang mempromosikan program perlindungan sosial negara anggota ASEAN dan menyokong semua pihak yang berkepentingan, termasuk petani kecil, dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), untuk meningkatkan pengeluaran makanan dan memastikan keselamatan makanan di rantau ini.

BIL.	JABATAN/BAHAGIAN	TALIAN TELEFON
5.1	Jabatan Perbendaharaan	
a	Pusat Perkhidmatan Pelanggan	2383444
b	Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Perbekalan	2383666 / 2383444 WhatsApp 7373222
c	Bahagian Pembayaran dan Kutipan Hasil	2380822 / 2383460
d	Bahagian Akaun	2383444
5.2	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	2382333 / 2382361
5.3	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik	2233344
5.4	Bahagian Hasil	2383933 / 2380651
5.5	Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan	2383444 / 2380505 / 2380879
5.6	Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan – Unit Pembangunan Koperasi	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu Pejabat Unit Pembangunan Koperasi 2444121 / 2444123 ext 407/414/415 • Cawangan Daerah Tutong 4261489 / 4261490 / 4222440 • Cawangan Daerah Temburong 5221781 / 5221321 • Cawangan Daerah Belait 3335052 / 3336352 / 3342975

Penutupan sementara, memendekkan waktu beroperasi kaunter perkhidmatan MOFE

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Dalam usaha ke arah membendung dan mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) ingin memaklumkan mengenai penutupan sementara dan pemendekan waktu beroperasi bagi beberapa buah kaunter perkhidmatan di Jabatan-jabatan dan Bahagian-bahagian di dalam MOFE yang akan bermula pada Selasa, 21 April 2020 hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Antara kaunter-kaunter perkhidmatan yang ditutup sementara adalah seperti berikut :

- Jabatan Perbendaharaan (tidak termasuk Kaunter Pengeluaran dan Penjualan Beras di Stor Negara, Gadong dan Kaunter Perkhidmatan Bahagian Pembayaran);
- Jabatan Kastam dan Eksais

Diraja (tidak termasuk kaunter di Pejabat-pejabat pos);

- Bahagian Pendaftaran Syarikat dan Nama-nama Perniagaan (ROCBN);

- Bahagian Hasil; dan

- Bahagian Industri dan Ekosistem.

Manakala, Kaunter-kaunter Perkhidmatan Jabatan-jabatan dan Bahagian-bahagian di MOFE yang dipendekkan waktu operasinya mulai dari jam 8.00 pagi sehingga 2.00 petang adalah seperti berikut :

- Kaunter Perkhidmatan Bahagian Pembayaran (Pengutipan Cek dan Pembayaran Pencen) di Jabatan Perbendaharaan;

- Kaunter di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja berhubung dengan Pusat Pemprosesan Mel atau Pejabat-pejabat Pos di Seria, Mumong, Tutong dan Muara;

- Kaunter Kewangan, Jabatan Hal Ehwal Korporat di Jabatan

Perancangan Ekonomi dan Statistik; dan

- Kaunter Perkhidmatan Bengkel dan Pembayaran di Unit Sukatan dan Timbangan, Pusat Standard Kebangsaan.

Selain daripada membuat permohonan dan pembayaran secara dalam talian (*online*) melalui sistem-sistem yang berkaitan, perkhidmatan melalui *drop box* juga akan disediakan, yang mana akan diletakkan di Jabatan dan Bahagian berkenaan bagi membolehkan orang ramai menghadapkan borang atau dokumen permohonan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dipohonkan.

Bagi sebarang permohonan atau aduan dan pertanyaan bolehlah dibuat melalui panggilan telefon dan aplikasi WhatsApp ke talian-talian seperti dalam rajah.

Kerjasama dan pertimbangan orang ramai adalah sangat diharapkan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin berbangkit.

NIC fokus keselamatan pesakit



HEAD of Consultant, Clinical Management Team, Dr. Awang Haji Syafiq bin Abdullah.

TUTONG, Isnin, 20 April. - Wabak COVID-19 merupakan virus baharu yang kini sudah

melanda global selama empat bulan sejak penemuan pada bulan Disember tahun lalu di Wuhan, Republik Rakyat China.

Head of Consultant, Clinical Management Team, Dr. Awang Haji Syafiq bin Abdullah seterusnya berkata secara jujur, beliau yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan (NIC) juga kini masih belajar mengenai virus tersebut setiap hari.

"Cara pengesahan menggunakan beberapa kali *swab test* sejajar dengan dasar ujian di negara ini sememangnya penting kerana virus ini merupakan virus yang baru dan kadang-kadang tidak dapat dikesan sepenuhnya.

"Negara lain seperti Malaysia hanya melakukan satu *swab test*

sahaja bagi setiap pesakit, yang mana alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam (NBD) melakukan beberapa siri *swab test* untuk memastikan keselamatan para pesakit.

"Menurut statistik yang dilakukan dari Mesyuarat ASEAN yang lalu, selain dari Viet Nam, NBD merupakan negara kedua tertinggi yang melakukan *swab test* dan alhamdulillah, banyak keputusannya menunjukkan negatif COVID-19," jelas beliau lagi.

Dr. Awang Haji Syafiq seterusnya menjelaskan, tidak ada rawatan standard bagi pesakit COVID-19 pada ketika ini dan mereka di NIC kini hanya memberikan fokus kepada keselamatan pesakit.

"Dengan memberikan fokus

Berita dan Foto :
Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

utama kami pada keselamatan pesakit, kami bermula dari sana dengan menyediakan Panadol bagi pesakit yang demam atau memberikan ubat untuk mengurangkan kerosakan pada paru-paru bagi yang sakit paru-paru atau ubat Antiviral bagi pesakit yang memerlukan.

"Rawatan khusus (*tailor-made*) adalah untuk setiap pesakit kerana setiap pesakit menunjukkan simptom yang berlainan daripada pesakit yang lain," jelasnya.

Bagi pesakit yang positif COVID-19, namun tidak menunjukkan sebarang simptom atau sakit, Dr. Awang Haji Syafiq seterusnya menjelaskan,

apa yang dilakukan adalah menolong para pesakit dengan menyediakan mereka Nutrisi atau Supplement yang diperlukan untuk antibodi mereka melawan COVID-19 tersebut.

Terdahulu, beliau menekankan akan kepentingan penjarakan sosial kepada orang ramai kerana COVID-19 sememangnya boleh tersebar dengan mudah.

Walaupun NBD kini mempunyai kes baharu yang rendah, namun kita seharusnya mempunyai kesedaran dalam sama-sama membantu untuk mengurangkan segala risiko yang tidak diingini, jelasnya.

83 pain darah berjaya dikumpulkan



ANTARA pegawai serta kakitangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menyertai Kempen Derma Darah untuk membantu Pusat Penderma Darah, Perkhidmatan Makmal Hospital RIPAS di Dewan Gerak Badan Berakas Garison.

BERAKAS, Selasa, 21 April. - Sejumlah 83 pain darah berjaya dikumpulkan dari 83 orang

penderma yang terdiri daripada warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata

Diraja Brunei (ABDB) menyertai Kempen Derma Darah untuk membantu Pusat Penderma Darah,

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Perkhidmatan Makmal Hospital RIPAS.

Kempen Derma Darah tersebut berlangsung di Dewan Gerak Badan Berakas Garison, di sini.

Selain itu, kempen ini juga bertujuan untuk mengukuhkan lagi nilai saling bantu-membantu, tanggungjawab sosial dalam kalangan warga Kementerian Pertahanan, ABDB dengan membantu bagi yang berkeperluan dan juga pihak Kerajaan serta masyarakat dalam menangani jangkitan wabak COVID-19.

Sehubungan itu, pihak Kementerian Pertahanan akan membuka kempen derma darah di Bolkiah Garison dan Penanjong Garison pada Rabu, 22 April dan Khamis, 24 April 2020 bagi memaksimumkan pendermaan darah.

Ini termasuk mengehadkan jumlah keramaian penderma di dalam dewan pada masa yang sama, penjarakan sosial dan pemeriksaan suhu bahan sebelum

masuk ke dewan dengan bantuan Khidmat Perubatan dan Kesihatan. Kempen tersebut bermatlamat untuk menyokong usaha-usaha pihak hospital dalam mengekalkan bekalan darah yang mencukupi.

Kempen yang bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari itu dikendalikan oleh pegawai dari Pusat Pendermaan Darah. Setiap individu yang berhasrat untuk menderma darah hendaklah bebas daripada selesesa, demam panas dan penyakit-penyakit lain, selain mempunyai berat badan sekurang-kurangnya 50 kilogram atau 110 paun dan berumur 18 tahun ke atas.

Secara tidak langsung kempen tersebut mendedahkan kepada para penderma kepada aktiviti berbentuk kebajikan juga mengajak pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan menanamkan sifat dermawan dengan cara menderma darah bagi membantu para pesakit yang memerlukan.

Penutupan sementara jalan di Pekan Bangar, Temburong

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kerja Raya


BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 April. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin maklumkan orang ramai, terutama sekali kepada para penduduk di Daerah Temburong mengenai penutupan sementara sebahagian jalan raya di Pekan Bangar, Temburong.

Penutupan sementara yang bermula jam 6.00 pagi pada 22 April 2020 hingga 20 Mei 2020 ini, adalah untuk memberikan laluan kerja-kerja Projek Pembisanian

Pekan Bangar, Temburong - Pedesterian Walkway agar dapat dilaksanakan dengan lancar.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk menggunakan jalan alternatif lain (rujuk peta) dan tidak mendekati kawasan-kawasan pembinaan projek juga mematuhi tanda-tanda lalu lintas yang disediakan dan memandu dengan perlana ketika mendekati kawasan berkenaan.

Selain itu, JKR menyediakan



RAJAH Jalan-jalan yang ditutup sementara bagi Projek Pembisanian di Pekan Bangar, Temburong.

kawasan letak kereta alternatif, iaitu di Pusat Belia Cawangan Temburong dan Jabatan Sekolah-Sekolah.

Sebarang pertanyaan dan aduan, orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan tersebut melalui Talian Darussalam : 123 /

Livechat : +673 8333123 atau Facebook : Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam atau e-mel : pro@pwd.gov.bn.

Puasa orang yang menjalani ujian swab COVID-19

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sahabat dan para pengikut Baginda)

WABAK COVID-19 ialah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus SARS - COV-2 yang boleh menyebabkan demam panas dan gejala pernafasan seperti batuk, selesma dan sesak pernafasan. Wabak ini telah diisyihar sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Dalam usaha membendung penularan jangkitannya, ujian makmal diadakan, antaranya bagi kontak-kontak terdekat pesakit COVID-19 dan individu yang disyaki mengalami gejala-gejala COVID-19.

Di Negara Brunei Darussalam, ujian dilakukan melalui kaedah *nasopharyngeal swab* iaitu salah satu kaedah pengambilan sampel patogen pernafasan bagi mengesan keberadaan virus dalam sistem pernafasan. *Swab* digunakan bagi mengambil sampel dalam hidung pesakit terus kepada bahagian dalam rongga hidung yang dikenali sebagai *nasopharynx*. Dalam keadaan tertentu, pengambilan sampel boleh diambil dengan kaedah *oropharyngeal swab* yang diambil dari belakang *oropharynx* (bahagian belakang kerongkong).

Oleh sebab ujian yang dijalankan melalui kaedah *nasopharyngeal swab* ini melibatkan rongga hidung, persoalan yang

ditimbulkan ialah tentang kedudukan puasa orang yang menjalani ujian *swab* COVID-19 pada siang hari pada bulan Ramadan. Sebelum menjawab persoalan yang ditimbulkan itu elok dibawakan terlebih dahulu penjelasan berkaitan rongga hidung dan had-hadnya yang boleh membatalkan puasa jika masuk sesuatu ke dalamnya.

Memasukkan Benda Ke Dalam Rongga Melalui Lubang Yang Terbuka Dalam Tubuh Manusia

Salah satu perkara yang membatalkan puasa itu ialah memasukkan sesuatu benda dengan sengaja ke dalam rongga melalui lubang yang terbuka.

'Benda' yang dimaksudkan di atas ialah apa-apa jua benda, tidak kira banyak atau sedikit, sama ada benda yang boleh dimakan seperti biji lenga atau yang tidak boleh dimakan seperti batu kecil. Apabila disebut benda, maka tidaklah termasuk rasa atau bau. Sekiranya yang masuk ke dalam rongga seseorang yang berpuasa itu berupa rasa atau bau, maka tidaklah membatalkan puasanya.

'Dengan sengaja' bermaksud memasukkan sesuatu benda ke dalam rongga sama ada dilakukannya sendiri atau dilakukan oleh orang lain dengan keizinhannya.

'Rongga' pula adalah rongga dalam (lubang, ruang) yang mempunyai fungsi untuk memproses sama ada makanan atau ubat ataupun tidak, seperti rongga otak, kerongkong atau rongga mulut, rongga hidung, rongga telinga, perut, dubur,

faraj, pundi-pundi kencing, lubang tempat keluar air kencing lelaki dan lubang tempat keluar air susu.

'Lubang yang terbuka' pula adalah lubang tempat masuk atau keluar sesuatu, sama ada lubang itu wujud sejak lahir seperti mulut, hidung, telinga dan dubur ataupun lubang yang baru wujud seperti luka.

Rongga Hidung

Bahagian zahir rongga hidung penting diketahui dalam menentukan batal atau tidaknya puasa seseorang itu apabila masuk sesuatu benda ke dalam hidung ketika sedang berpuasa. Had zahir hidung yang paling dalam adalah sehingga akhir *khaisyum*.


Apa itu *khaisyum*?

Berkenaan *khaisyum* ini, dibawakan beberapa penjelasan mengenainya dari beberapa kitab Tajwid dan Qira'at serta kitab Fiqh.

Dalam ilmu Tajwid, *khaisyum* merupakan salah satu daripada *makhraj huruf* (tempat keluar huruf) Al-Quran. Di sinilah tempat keluar bunyi *ghunnah* (dengung) dalam bacaan *idgham* serta mim (Ⓜ) dan nun mati (Ⓜ).

Menurut Imam al-Jazari *Rahimahullah*, salah seorang dari ulama besar dalam bidang Qira'at, dalam kitab beliau *at-Tamhid fi'l Ilm at-Tajwid* menyebutkan :

Ertinya : "Sesungguhnya (bunyi) *al-ghunnah* keluar daripada *khaisyum* sebagaimana yang disebut sebelumnya, dan *khaisyum* adalah hujung hidung yang bersambung ke batin (dalam) mulut".



Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

Dalam Kitab al-Hadi Syarh Thayyibati an-Nasyri fil Qira'atil 'Asyri wal Kasyfi 'an Ilalil Qira'ati wa Tawjihih (yang mensyarah kitab Thayyibati an-Nasyri fil Qira'atil 'Asyri tulisan Imam al-Jazari *Rahimahullah* mengenai Qira'at Sepuluh) ada disebutkan berkenaan bahagian ke lima *makhraj huruf* iaitu *khaisyum* yang dijelaskan sebagaimana berikut :

Ertinya : "(*Khaisyum*) ia adalah : Laluan hidung yang bersambung ke dalam atas lelangit, dan bukan (dimaksudkan) dengan lubang hidung (nostril). Dan ((bunyi *al-ghunnah*)) keluar daripadanya (*khaisyum*)". Perkataan *khaisyum* juga disebut dalam beberapa kitab para ulama fiqh Mazhab Syafii ketika mereka membincangkan mengenai perbuatan *istinsaq* (memasukkan air ke dalam hidung) dalam perkara sunat wuduk dan juga pada had zahir hidung dalam perkara membatalkan puasa.

Antaranya dalam kitab *Asna Mathalib fi Syarh Rawd ath-Thalib* dalam perkara sunat-sunat wuduk; 'Imam Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* menyebutkan :

Ke muka 17

Ramadan : Menyerlahkan kehidupan Islam yang sebenar

"Tidurnya orang yang puasa tetap dalam ibadat dan diamnya dianggap tasbih dan amalnya dilipatgandakan dan doanya mustajab dan dosanya diampunkan".

Pada bulan Ramadan ini mengandungi tiga fakta terpenting :

1. Umat Islam diwajibkan berpuasa
2. Sebelum menjelangnya Hari Raya Aidilfitri diwajibkan mengeluarkan Zakat Fitrah.
3. Penurunan Al-Quran pada bulan Ramadan yang dikenali sebagai Nuzul Al-Quran.

Ketiga-tiga peristiwa ini mampu mendidik manusia ke jalan yang direndai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, pengisian Ramadan al-Mubarak ini diharap akan dapat dihayati dan seterusnya diamalkan dalam bulan-bulan seterusnya. Selama sebulan kita melalui Ramadan semoga akan memberikan peningkatan dan kemantapan takwa yang semaksimum mungkin selepas berlalunya Ramadan kelak : akan lebih gigih melaksanakan syariat Islam (melakukan *amar makruf* dan *nahi munkar*). Usahlah dijadikan Ramadan ini sebagai satu perhentian dan persinggahan sementara misalnya penutupan aurat dalam kalangan wanita hanya diamalkan di sepanjang bulan Ramadan, pusat-pusat hiburan ditutup

sebagai menghormati Ramadan, rancangan televisyen yang bercorak keagamaan hanya akan ditayangkan sepanjang Ramadan, majlis keagamaan banyak diadakan di kampung-kampung, derma kepada anak-anak yatim hanya semasa Ramadan sahaja dan dakwah di daerah terpencil kerap diadakan di sepanjang Ramadan. Hal-hal sebegini seharusnya dikekalkan pelaksanaannya sehabisnya bulan Ramadan.

Kemurahan hati dengan mengeluarkan Zakat Fitrah bukanlah merupakan pembaziran semata-mata tetapi merupakan perkongsian bersama-sama dengan saudara Islam kita yang kurang bernasib baik agar dapat sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri. Penurunan Al-Quran juga terjadi pada bulan Ramadan iaitu pada 17 Ramadan, adalah merupakan peristiwa penting dalam diari umat Islam yang lebih dikenali sebagai Nuzul Al-Quran. Al-Quran merupakan kitab Allah yang terakhir yang menjadi petunjuk kepada seluruh umat manusia di dalam menguruskan keduniaan dan panduan ke alam akhirat. Kedatangan 17 Ramadan ini juga menandakan kita mengingati sejarah agung dalam kehidupan manusia yang mendapat bimbingan dari Allah Subhanahu Wata'ala. Kita sebagai umat Islam sepatutnya

rasa bertuah kerana penjelasan tentang kandungan Al-Quran telah diusahakan oleh ulama terdahulu dan mereka meninggalkan khazanah ilmu yang cukup banyak dari pelbagai disiplin ilmu. Itulah kehebatan sebenar Al-Quran sebagai mukjizat terbesar yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan umat Baginda.

Ramadan merupakan bulan untuk beristirehat daripada segala kesibukan dunia. Umat Islam berehat sejenak daripada kelekaan dunia dan bermuhasabah diri terhadap keimanan diri kita sendiri dan mengimbang kembali dosa pahala yang pernah kita lakukan di sepanjang tahun. Walaupun Ramadan bulan rehat, bukanlah bermakna untuk kita bermalas-malasan dan menjadikan umat Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tidak produktif, cekap, pantas dan bersemangat, malahan sebaliknya iaitu memberikan kecerdasan minda dan spiritual kerana apa jua hal-hal yang berkebaikan akan mendapat imbalan pahala yang berlipat kali ganda. Ramadan yang hanya diraikan setahun sekali telah mendidik minda dan spiritual umat Islam untuk benar-benar berubah sikap yang baik dan seterusnya menjadi modal insan yang soleh dan soleha.

منجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
کلولان فوسة دعوه اسلامیه

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa".
(Surah al-Baqarah : 183)

ALHAMDU LILLAH, kita dipanjangkan umur dan berasa syukur kerana diberikan peluang dengan pertemuan Ramadan 1441H dan seterusnya berkesempatan untuk terus beramal ibadat yang dijanjikan pahala berlipat ganda oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menambahkan lagi bekal kita di akhirat kelak.

Kesinoniman bulan Ramadan sebagai bulan rahmat, berkat dan keampunan adalah kenyataan yang jelas kerana apa jua hal yang berkebaikan dibuat akan mendapat balasan yang berlipat kali ganda. Terdapat banyak amalan yang dianjurkan misalnya : bersembahyang tarawih, berzikir, bertadarus Al-Quran dan bersedekah. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan al-Baihaqi yang bermaksud :

Kementerian Kesihatan terus menerima sumbangan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan menerima sumbangan *face shields* daripada sebuah syarikat (kiri), sementara gambar kanan, Pengarah Teknologi Penjagaan Kesihatan, Pengiran Hajah Saadiah binti Pengiran Muda Haji Hashim turut menerima sumbangan 10 unit komputer *desktop* jenama Acer dengan *monitor* bersaiz 24 inci daripada Znet Technologies.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Dalam sama-sama membantu membendung dan mencegah penularan jangkitan wabak COVID-19 yang melanda di negara ini, pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD), khususnya Kementerian Kesihatan tanpa henti menerima sokongan dan derma daripada pelbagai pihak, agensi juga syarikat-syarikat swasta.

Perkara ini sejajar dengan Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) daripada pihak penderma dalam membantu lagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di NBD.

Oleh yang demikian, acara penyampaian derma dan sumbangan berlangsung di Dewan

Al-'Afiah dan Holding Room, tingkat bawah, Kementerian Kesihatan, di mana AKK Design and Sparks Co. Sdn. Bhd. dan My Favoureat Kopitiam menyumbangkan 2,000 *face shields* dan diserahkan oleh perwakilan AKK Design and Sparks Co. Sdn. Bhd., Dayang Nurul Adibah binti Hamdani dan perwakilan daripada My Favoureat Kopitiam, Dayang Nurul Zafirah binti Roslan. Bagi mewakili Kementerian Kesihatan, sumbangan tersebut diterima oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan turut menerima sumbangan derma daripada VHC Company, iaitu 120 V Sports *basic flatlock hijabs* dan 15 V Sports *exclusive hijabs* serta diserahkan oleh pengasas syarikat, Jenny Juvena binti Azmi (Veena Azmi). Selain itu, ASTAL Engineering Sdn. Bhd. turut menyumbangkan

cek berjumlah BND5,000 dan diserahkan oleh Pengarah Pengurusan, V.Arul. Manakala Arzwanina Sdn. Bhd. menyumbangkan cek berjumlah BND5,000 dan diserahkan oleh Pengarah Syarikat, Mohamed Nazurudeen Jabarsadiq. Bagi pihak Kementerian Kesihatan, sumbangan tersebut diterima oleh Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Dayang Sufinah binti Haji Serudin.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan turut menerima sumbangan daripada

Rezqan Wasian Sdn. Bhd., iaitu 2,000 *surgical face masks* dan diserahkan oleh Pengarah Syarikat, Chen Khen Siong. Seterusnya, The Institution of Engineering and Technology (IET) Brunei Network menyumbangkan empat set *boots drying racks* dan diserahkan oleh Pengurus (Chairman), Haji Jailani bin Haji Buntar dan turut dihadiri oleh Naib Pengurus, Dr. Siong dan IET Management Committee, Major Farha juga IET Management Committee Member, Amrinal. Znet Technologies pula

menyumbangkan 10 unit komputer *desktop* jenama Acer dengan *monitor* bersaiz 24 inci, diserahkan oleh Lim Soon Bee dan akhir sekali, Mangkuk Emas Trading Sdn. Bhd. pula menyumbangkan 1,500 N95 face mask, diserahkan oleh Pengurus, Chia Sit Chuang juga turut dihadiri oleh Penyelia, David Yunensius.

Bagi pihak Kementerian Kesihatan, sumbangan derma tersebut diterima oleh Pengarah Teknologi Penjagaan Kesihatan, Pengiran Hajah Saadiah binti Pengiran Muda Haji Hashim.



PEMANGKU Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Dayang Sufinah binti Haji Serudin menerima sumbangan daripada salah sebuah syarikat.

PEMBELAJARAN DI RUMAH

UNTUK PELAJAR TAHUN 6 YANG AKAN MENDUDUKI PSR
MATA PELAJARAN M.I.B. , BAHASA INGGERIS, MATEMATIK,
SAINS DAN BAHASA MELAYU.



SIARAN UTAMA DI RTB ANEKA

ISININ HINGA KHAMIS DAN SABTU
DARI JAM 8.30 PAGI HINGGA 11.00 PAGI



SIARAN ULANGAN DI RTB SUKMAINDERA

(BERMULA PADA ISININ, 6TH APRIL 2020)

ISININ HINGA KHAMIS DAN SABTU
PADA JAM 10.00 PAGI HINGGA 11.00 PAGI
& PADA JAM 1.30 PTG HINGGA 3.00 PTG



BOLEH DIIKUTI MENERUSI VIDEO-ON-DEMAND
(VOD) DI WWW.RTBGO.BN/VOD/

JHEM terus terima sumbangan

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Dalam usaha untuk membendung penularan jangkitan wabak COVID-19, pelbagai cara dan usaha dilakukan antaranya menjaga kebersihan diri seperti kerap mencuci tangan dan sebagainya.

Sehubungan itu, atas keprihatinan orang ramai, pelbagai pihak dari sektor swasta atau orang ramai mengambil inisiatif untuk menyumbangkan barang keperluan sebagai salah satu usaha untuk membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 tersebut kepada pihak yang memerlukan seperti masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Justeru, pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menerima sumbangan lagi daripada Black Arrow Softball Team, Old Friend Football Team dan Cooltones Sdn.

Bhd. berupa *bleach* sebanyak 22 botol, cecair alkohol 205ml sebanyak 48 botol, *hand sanitizer* gel 236ml sebanyak 30 botol, *liquid hand sanitizer* 500ml sebanyak 25 botol dan pencuci tangan sebanyak 84 botol.

Sumbangan derma tersebut diterima oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri. Turut hadir menyaksikan pemberian sumbangan tersebut ialah Pegawai dan Kakitangan dari Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM).

Semoga dengan adanya usaha seumpama ini dan kerjasama dari semua pihak, penularan jangkitan wabak COVID-19 ini akan dapat kita tangani dengan segera dan berdoa agar Allah mengurniakan kesembuhan kepada pesakit dan melindungi kita semua, sekali gus terhapus wabak dahsyat tersebut dari bumi ini.



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri (tiga, kanan) menerima sumbangan daripada Black Arrow Softball Team, Old Friend Football Team dan Cooltones Sdn. Bhd., berupa barang-barang menjaga kebersihan.

Mengeratkan hubungan keluarga di bulan Ramadan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Pada lazimnya, apabila kedatangan bulan Ramadan kita akan sentiasa bersedia dari segi kerohanian dan mental. Tetapi kali ini keadaan dan suasana sangat berbeza disebabkan oleh penularan jangkitan wabak COVID-19 yang belum berakhir dalam masa terdekat ini.

Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Md. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit ketika ditemu bual Pelita Brunei seterusnya menjelaskan bahawa secara rohani kita memang berasa gembira meraikan kedatangan bulan Ramadan tetapi dari segi mental kita memang belum bersedia kerana masjid-masjid belum dibuka selain Bazar Ramadan yang ditiadakan menyebabkan kita akan terasa perbezaan suasana Ramadan sebelum ini di mana diraikan dengan penuh meriah sekali.

Akan tetapi ini semua hanya permainan minda yang harus diketepikan kerana setiap perkara yang berlaku pasti ada hikmahnya. Katanya, hikmah yang terbesar ialah dari segi silaturahim di mana hubungan kekeluargaan kita

semakin erat memandangkan kita sentiasa berada di rumah dan dapat menunaikan sembahyang berjemaah bersama keluarga.

"Sebelum berlakunya jangkitan wabak COVID-19, kita memang sudah diajar tentang menjaga kebersihan seperti yang dinyatakan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mafhumnya, adapun kebersihan itu adalah syiar atau tanda keimanan seseorang itu. Menjaga kebersihan ini perlu terus diaplikasikan pada bulan Ramadan kerana ia adalah sunnah dan kita akan mendapatkan ganjaran pahala dari berbuat demikian," jelasnya.

Seandainya masjid masih lagi ditutup tegasnya, ini sepatutnya memberi peluang kepada mereka yang bergelar ayah sebagai ketua keluarga mengimamkan solat tarawih di rumah serta mengetuai majlis tadarus.

Tarawih dan qiamullail pula wajar dilakukan seperti malam dan bukan seperti biasa selepas Isyak. Ini memberi ruang untuk sahur yang sempurna sebelum solat subuh dilakukan sekeluarga berjemaah.

Beliau juga menekankan bahawa anak-anak turut memainkan

peranan yang penting kerana mungkin sebelum ini mereka terlalu kerap keluar bersama kawan-kawan tetapi ketika ini saat keberadaan di rumah, anak-anak bolehlah mengambil peluang ini untuk membantu ibu bapa dengan melakukan banyak hal, seperti membersihkan kawasan rumah dan sebagainya.

Sebagai hamba Allah katanya, kita pasti akan menerima apa yang berlaku ketika ini dengan hati yang terbuka dan keredaan hati kerana kita akan berasa kemanisan beribadah kepada Allah walaupun di mana sahaja kita berada.

"Antara amalan yang sering dilakukan di bulan Ramadan ialah bersedekah di mana pada kebiasaannya sedekah untuk berbuka puasa akan dihantar ke masjid-masjid dan balai-balai ibadah. Tetapi dalam situasi ketika ini, kita bolehlah terus menghantar sedekah tersebut dengan menggunakan aplikasi gerai Ramadan secara dalam talian yang menyediakan perkhidmatan penghantaran yang boleh terus dihantar ke tempat yang dikehendaki," ujarnya.

Bagi para pelajar, seperti yang kita ketahui semuanya melakukan pembelajaran secara dalam talian. Justeru, ambil perkara tersebut

untuk melihat pengorbanan ibu bapa yang mana ada ibu bapa sanggup berbelanja untuk pembelajaran anak mereka secara dalam talian dengan menyediakan tablet atau laptop dan ada juga yang sanggup mengambil cuti khas demi meluangkan masa untuk mengajar anak di rumah.

Beliau turut mengingatkan bahawa sebagai seorang anak, kita patut menghargai pengorbanan yang diberikan dengan menghadiahkan mereka sekalung doa setiap kali sebelum memulakan pembelajaran terutama sekali di bulan Ramadan agar ibu bapa sentiasa dilimpahi dengan pahala.

"Para guru juga jangan dilupakan di dalam doa kerana selama ini gurulah yang banyak mendidik anak bangsa sehingga berjaya yang mana ketika ini guru-guru telah keluar dari zon selesa mereka. Guru-guru pasti risau dan bimbang jika para pelajar tidak dapat memahami apa yang diajarkan secara dalam talian," tambahnya.

Sebagai ibu bapa, inilah masanya untuk kita melihat kehebatan dan kelemahan anak-anak di dalam pembelajaran mereka selama ini dan bantulah mereka sekiranya ada kekurangan.



DIDIK anak-anak agar menjadi orang yang soleh atau solehah berjaya dunia dan akhirat.

Sepanjang bulan Ramadan nanti, ambil peluang banyakkan berdoa untuk anak-anak agar mereka menjadi orang yang soleh berjaya di dunia dan akhirat.

Inilah masanya untuk kita mendekatkan diri kepada Allah dan berdoa agar Allah sentiasa merahmati Negara Brunei Darussalam, memelihara Raja yang dikasihi dan melindungi rakyat dari wabak COVID-19.

'BELIAU juga menekankan bahawa anak-anak turut memainkan peranan yang penting kerana mungkin sebelum ini mereka terlalu kerap keluar bersama kawan-kawan tetapi ketika ini saat keberadaan di rumah, anak-anak bolehlah mengambil peluang ini untuk membantu ibu bapa dengan melakukan banyak hal, seperti membersihkan kawasan rumah dan sebagainya.'

Sebagai hamba Allah katanya, kita pasti akan menerima apa yang berlaku ketika ini dengan hati yang terbuka dan keredaan hati kerana kita akan berasa kemanisan beribadah kepada Allah walaupun di mana sahaja kita berada.'



BUAH Kurma, juadah berkhasiat untuk berbuka puasa.

Inisiatif Kempen Pembersihan pupuk semangat kerjasama



KEMPEN Pembersihan Tamu Kianggeh diketuai oleh Ketua Pengurusan Kompleks Tamu Kianggeh, Awang Marshidi bin Haji Omar (kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan-jabatan Bandaran dan Jabatan-jabatan Daerah meneruskan lagi usaha dalam Kempen Pembersihan Premis Pasar, Gerai dan Tamu sebagai



SEMBURAN pembasmi kuman dilakukan selepas pembersihan petak-petak jualan Tamu Kianggeh selesai dilaksanakan.

salah satu inisiatif bagi memastikan persekitaran yang bersih dan selamat semasa penularan jangkitan wabak COVID-19.

Di Daerah Brunei dan Muara, Kempen Pembersihan tersebut diadakan di Tamu Kianggeh, di ibu negara. Hadir mengetuai kempen,

Ketua Pengurusan Kompleks Tamu Kianggeh, Awang Marshidi bin Haji Omar. Kerja-kerja pembersihan ini juga dijalankan bersama-sama pegawai dan kakitangan dari Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Seri Begawan, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC),

Jabatan Kerja Raya (JKR), Kompleks Tamu Kianggeh dan Letak Kereta juga 24 orang sukarelawan Belia di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, termasuk dua orang sukarelawan Royal Brunei juga turut dibantu oleh Syarikat Md. Rafi Construction.

Kempen bertujuan untuk memastikan tamu tersebut berkeadaan bersih dan selamat digunakan oleh para penjaja dan pengunjung sebagai salah satu langkah pencegahan penularan penyakit-penyakit berjangkit, terutama Jangkitan Wabak COVID-19 yang sedang melanda negara pada masa ini. Dalam masa yang sama, ia juga bertujuan untuk memastikan penjaja-penjaja di kawasan itu turut sama menjaga kebersihan petak jualan masing-masing dan sekitar kawasan jualan mereka.

Dengan adanya kempen ini diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat setempat, terutama sekali penjaja-penjaja dan pengunjung akan pentingnya bagi sama-sama menjaga kebersihan, seterusnya akan dapat membudayakan amalan menjaga kebersihan.



KEMPEN Pembersihan Tamu Kianggeh disertai oleh Sukarelawan Belia.



SEBAHAGIAN daripada peniaga Tamu Kianggeh juga menyertai Kempen Pembersihan premis tersebut.

Dapatkan maklumat terkini mengenai situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam melalui Telegram rasmi GOV.BN
<https://t.me/govbnofficial>
atau imbas QR code





IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

RALAT

Jawatan-jawatan kosong keluaran 20 April 2020 adalah dikemaskinikan seperti berikut:

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 29/04/20 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 20 APRIL 2020

TARIKH TUTUP: 18 MEI 2020

1. PENOLONG PENGUASA BOMBA DAN PENYELAMAT
P.7 (BAHAGIAN III)
 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
 KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
KEKOSONGAN = TUJUH (07)
2020/0015/05

2. PENOLONG PEGAWAI UGAMA
C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III)
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
KEKOSONGAN = TIGA (03)
2020/0015/06

3. PEMBANTU PERHUTANAN
D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV)
 JABATAN PERHUTANAN
 KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
 DAN PELANCONGAN
KEKOSONGAN = EMPAT (04)
2020/0015/07

4. PENYAMBUT TETAMU
F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V)
 JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/0015/08

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Quicklinks* dan *FAQ's* di www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



JABATAN KERJA RAYA
 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
 PEMBORONG-PEMBORONG
 YANG BERDAFTAR
 DENGAN KEMENTERIAN
 PEMBANGUNAN DI DALAM
 KELAS : IV & V SAHAJA
 KATEGORI : KA01 SAHAJA

TARIKH TUTUP :
 12 MEI 2020 (SELASA)
 TIDAK LEWAT DARI
 JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
 JKR / DWS / 004 / 2020

NAMA PROJEK :
PENAMBAHBAIKAN SISTEM
BEKALAN AIR
(PEMBINAAN TANGKI-TANGKI
AIR DAN PENINGKATAN SISTEM
PAM AIR) - TANGKI
SIMPANAN MUKIM LABU /
LAKIUN,
DAERAH TEMBURONG

YURAN TAWARAN :
 BND500.00
 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -



JABATAN ALAM SEKITAR,
 TAMAN DAN REKREASI
 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
 PEMBORONG-PEMBORONG
 YANG BERDAFTAR DI
 NEGARA BRUNEI
 DARUSSALAM

Tarikh tutup pada :
 19 Mei 2020, Selasa
 sebelum jam 2.00 Petang.

JASTRE / KB / T014 / 2020
 PERKHIDMATAN
 KUTIPAN DAN PEMBUANGAN
 SAMPAH DARIPADA PUSAT-
 PUSAT PENGUMPULAN
 SISA PEPEJAL DI DAERAH
 BELAIT BAGI TEMPOH
 DUA (2) TAHUN

NO. PROJEK :
 JASTRE / KB / T014 / 2020

KELAS III, IV DAN V
 KATEGORI S01

JUMLAH YURAN TAWARAN :
 BND50.00 (tidak dikembalikan)



JABATAN KERJA RAYA
 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
 PEMBORONG-PEMBORONG YANG
 BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN
 PEMBANGUNAN DI DALAM
 KELAS : V & VI SAHAJA
 KATEGORI : KA01, B01 SAHAJA

TARIKH TUTUP :
 9 JUN 2020 (SELASA)
 TIDAK LEWAT DARI
 JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
 JKR / DWS / 003 / 2020

NAMA PROJEK :
 MENINGKATKAN TARAF LOJI-LOJI
 RAWATAN AIR - PEMBINAAN LOJI
 RAWATAN AIR BUKIT BARUN
 PERINGKAT 8 : PAKEJ 2

YURAN TAWARAN :
 BND5,000.00
 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : BND5.00





KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG YANG BERDAFTAR DALAM KELAS : I - II KATEGORI : ..

Tarikh tutup :
13 Mei 2020 (Rabu)

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1031 / 2020

Tajuk Projek :
RENTAL OF TENTAGE INCLUDING PLATFORM FOR FLAG RISING UP AND DOWN CEREMONY AT YAYASAN COMPLEX BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM, 2020

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1031 / 2020

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran

DIBUKAKAN KEPADA

PEMBORONG YANG BERDAFTAR DALAM KELAS : I - II KATEGORI : E03 SAHAJA

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1032 / 2020

Tajuk Projek :
RENTAL OF ELECTRICAL FITTING AND DISTRIBUTION BOARD FOR HM'S 74TH BIRTHDAY FLAG RISING CEREMONY 2020

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1032 / 2020

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1033 / 2020

Tajuk Projek :
OPERATION WORKS FOR DECORATIVE LIGHTS ALONG

AND ACROSS JALAN SULTAN HAJI OMAR ALI SAIFUDDIEN FOR HM'S 74TH BIRTHDAY

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1033 / 2020

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1034 / 2020

Tajuk Projek :
REPAIR WORKS TO EXISTING HANGING DECORATIVE LIGHTS ALONG AND ACROSS JALAN SULTAN HAJI OMAR ALI SAIFUDDIEN FOR HM'S 74TH BIRTHDAY

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1034 / 2020

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : V SAHAJA KATEGORI : M01 SAHAJA

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
19 MEI 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DME / 09 / BPB / 2020

NAMA PROJEK :
REPLACEMENT OF WATER COOLED CHILLERS AT DEWAN MAJLIS BUILDING, JALAN DEWAN MAJLIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

YURAN TAWARAN :
BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH BANGUNAN DAN PENGGANTIAN ATAP DI BANGUNAN MADRASAH, BAHAGIAN PENGUATKUASAAN AGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL. PROJEK :
2020DBSBM / JUB.04

YURAN TAWARAN :
BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : V KATEGORI : B01

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM006 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN MEMBAIK PULIH BANGUNAN HOSTEL INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASANAL BOKIAH, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL. PROJEK :
2020DBSBM / JUB.05

YURAN TAWARAN :
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : III KATEGORI : B01

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
12 MEI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM007 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN BM11 BAGI TEMPAT PENYIMPANAN KARPET MERAH DAN TIANG-TIANG BENDERAS, JABATAN PERKHIDMATAN BANGUNAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL. PROJEK :
2020DBSBM / JKR.02

YURAN TAWARAN :
BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : II & III KATEGORI : KA01 SAHAJA - (KOD BAHRU)

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
19 MEI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM009 / 2020

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL PEMELIHARAAN BEKALAN AIR BAGI KAWASAN SERIA SELAMA 3 TAHUN

BIL. PROJEK :
2020ADKB / B000411 / 002-002-05

YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : III KATEGORI : B01

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
19 MEI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM004 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH BANGUNAN DAN PENGGANTIAN ATAP DI BANGUNAN JABATAN HAL EHWAL SYARI'AH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL. PROJEK :
2020DBSBM / JUB.03

YURAN TAWARAN :
BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM005 / 2020

BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 010 / 2020

TAJUK :
CONSTRUCTION OF RUMAH PERHENTIAN FOR TANAH PERKUBURAN ISLAM SUNGAI BUAYA KG. BELAIS, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS : I & II

KATEGORI : B 01 SAHAJA

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

TARIKH TUTUP :
RABU, 13 MEI 2020
12.00 TENGAH HARI

BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 011 / 2020

TAJUK :
TERM CONTRACT 12 MONTHS FOR RUBBISH COLLECTION TO TANAH PERKUBURAN ISLAM SELECTED AREA DAERAH BRUNEI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS : I & II

KATEGORI : S 01 & S 02 SAHAJA

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

TARIKH TUTUP :
RABU, 13 MEI 2020
12.00 TENGAH HARI

IKLAN



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 003 / 2020

KETERANGAN :
TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL,
TESTING, COMMISSIONING AND
MAINTENANCE OF NEW WATER
COOLED CHILLER SYSTEM AND
BUILDING AUTOMATED SYSTEM
TO INSTITUTE OF LEADERSHIP,
INNOVATION AND
ADVANCEMENT, CHANCELLOR
HALL AND UNIVERSITI
TEKNOLOGI HUB, UNIVERSITI
BRUNEI DARUSSALAM

BAYARAN DOKUMEN
DAN PENTADBIRAN :
BND500.00 (tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP :

SELASA, 19 MEI 2020,
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG

BIRO MENCEGAH RASUAH
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
BMR / SH / 01 / 2020 / 2021

TAJUK TAWARAN :
TAWARAN PEMELIHARAAN
LANDSKAP DAN PEMOTONGAN
RUMPUT KAWASAN IBU PEJABAT
DAN BANGUNAN BAHRU
BIRO MENCEGAH RASUAH (BMR)
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BIL : BMR / SH / 01 / 2020 / 2021

TARIKH TUTUP
SELASA, 28 APRIL 2020,
TIDAK LEWAT DARI JAM 11.30 PAGI

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

KERJA-KERJA MENAIK TINGGI
SEBAHAGIAN JALAN
DI SIMPANG 265-33
JALAN JERUDONG

YURAN TAWARAN :
BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA



DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS : V SAHAJA
KATEGORI : [KA01]

TARIKH TUTUP
TAWARAN PADA :
5 MEI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 14 / 2020

NAMA PROJEK :
MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN
LONGKANG DEPAN
ISTANA NURUL IMAN

YURAN TAWARAN :
BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA

BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 15 / 2020
NAMA PROJEK :

JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

IKLAN SEBUT HARGA

BILANGAN SEBUT HARGA :
JKN / BPEA / SH / 2020 (5)

KERJA-KERJA PERKHIDMATAN
PEMBERSIHAN
BAGI BANGUNAN
MAHKAMAH-MAHKAMAH
DAERAH TUTONG, BAGI
TEMPOH 24 BULAN

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
RABU, 29 APRIL 2020



YURAN TAWARAN :
BND500.00

BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 338 / 2019 / 2020

KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE DEPARTMENT
OF PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH

YURAN TAWARAN :
BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 339 / 2019 / 2020

KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE DEPARTMENT
OF PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH

YURAN TAWARAN :
BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 340 / 2019 / 2020

KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE DEPARTMENT
OF PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH

YURAN TAWARAN :
BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 341 / 2019 / 2020

KETERANGAN :

THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE DEPARTMENT
OF PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH

YURAN TAWARAN :
BND50.00

BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 342 / 2019 / 2020

KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE DEPARTMENT
OF PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH

YURAN TAWARAN :
BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
KK / 343 / 2019 / 2020 / ESTETMOH (TC)

KETERANGAN :
TO PROVISION OF COMPREHENSIVE
MAINTENANCE SERVICES FOR
LIFTS AT ONG SUM PING,
BLOCK 2G : 03 / 04, MINISTRY OF
HEALTH FOR A PERIOD
OF FIVE (5) YEARS

Kelayakan Pembekal/Pemborong :
Berdafat dengan Kementerian Kesihatan
Dan Kementerian Pembangunan

Kelas / Kategori : KPME 02

YURAN TAWARAN :
BND10.00

TARIKH TUTUP :
5 MEI 2020
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN KESIHATAN



PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
KK / 319 / 2019 / 2020 /
ESTETRIPASH(TC)

KETERANGAN :
THE PROVISION OF MANNING
AND SUPERVISION OF BUILDING
AUTOMATION SYSTEM AND
ASSOCIATED EQUIPMENT FOR
WOMEN AND CHILDREN CENTRE
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA HOSPITAL FOR A PERIOD
OF THREE (3) YEARS

Kelayakan Pembekal / Pemborong :
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan
Atau Kementerian Pembangunan

Kelas : II dan Ke atas

YURAN TAWARAN :
BND50.00

BILANGAN TAWARAN :
KK / 336 / 2019 / 2020 / LAB (TC)

KETERANGAN :
TO SUPPLY AND DELIVER EXTERNAL
QUALITY ASSURANCE PROGRAM
SAMPLES FOR VIROLOGY
LABORATORY, DEPARTMENT OF
LABORATORY SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH FOR A
PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN :
BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
KK / 337 / 2019 / 2020 / LAB(TC)

KETERANGAN :
TO SUPPLY AND DELIVER
AUTOMATED MYCOBACTERIA
LIQUID CULTURE & ANTIBIOTIC
SUSCEPTIBILITY TESTING WITH
EQUIPMENT RENTAL FOR NATIONAL
TB REFERENCE LABORATORY,
DEPARTMENT OF LABORATORY
SERVICES, MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF FIVE (5) YEARS
USAGE

Puasa orang yang menjalani ujian swab COVID-19

Dari muka 10

Ertinya : "Dan (berlebihan) dalam memasukkan air ke dalam hidung iaitu menarik air dengan nafas sehingga ke khaisyum (khaisyum hidung) iaitu hujung rongga hidung".

Perkara sunat wuduk ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Laqith bin Shabirah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada beliau:

Maksudnya : "Sempurnakanlah wuduk, selatih antara celahan jari-jemari serta berlebihlah ketika melakukan istinsyaq, melainkan jika kamu berpuasa".

(Hadis riwayat Abu Daud)

Hadis di atas menjelaskan mengenai kesempurnaan wuduk dengan mengerjakan fardu dan sunat wuduk. Antaranya dengan menyelati jari-jari dan melebihkan memasukkan air ke dalam hidung kecuali bagi orang yang sedang berpuasa. Mereka dilarang melebihkan memasukkan air kerana ditakuti sampai air ke had bathin (dalam) hidung maka ia boleh membatakan puasa.

Imam Zakariyya al-Anshari Rahimahullah seterusnya menyebutkan :

Ertinya : "Adapun orang berpuasa, maka tidak disuntikan baginya berlebih-lebihan

(dalam berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung), bahkan makruh hukumnya kerana ditakuti membatakan (puasa) sebagaimana yang disebut di dalam (kitab) al-Majmu'."

Selain itu, beberapa pengertian khaisyum disebutkan dalam Kitab Syarh Musykil al-Wasith oleh Ibnu Salah Rahimahullah dalam bab sifat wuduk tentang sunat berlebihan dalam istinsyaq dengan memasukkan air ke dalam hidung sehingga sampai khayasyim. Khayasyim merupakan jamak khaisyum. Para ahli bahasa mengertikannya antaranya :

- Bahagian hidung paling dalam.
- Tulang nipis lagi lembut pada bahagian hidung paling dalam, di antara hidung dan otak.
- Adakalanya semua bahagian hidung dinamakan sebagai khaisyum.

Dalam Qamusika pula, **خَيْسُومُ (الأنف)** bermaksud bahagian belakang rongga hidung iaitu nasopharynx. Manakala **خَيْسُومِي** pula bermaksud berkenaan dengan rongga belakang hidung iaitu branchial; nasopharyngeal.

Dalam kitab I'anah ath-Thalibin pula disebutkan bahawa batang hidung termasuk sebahagian daripada khaisyum :

Ertinya : "Dan ini kerana batang hidung (adalah sebahagian) daripada khaisyum".

Berdasarkan penjelasan para ulama di atas, dapat disimpulkan bahawa antara

bahagian yang dikatakan sebagai khaisyum ialah bahagian paling belakang dalam hidung. Disebutkan juga bahawa keseluruhan hidung dikatakan sebagai khaisyum.

Khaisyum ini pula keseluruhannya adalah termasuk dalam had zahir hidung sebagaimana dijelaskan oleh Imam as-Sayyid al-Bakri Rahimahullah :

Ertinya : "Khaisyum keseluruhannya adalah (had) yang zahir".

Memasukkan Sesuatu Sehingga Melebihi Had Zahir Hidung

Jika sekiranya seseorang yang berpuasa itu memasukkan sesuatu ke dalam rongga hidung melebihi had zahir hidung iaitu melebihi hujung khaisyum secara sengaja sama ada dilakukannya sendiri atau dilakukan oleh orang lain dengan keizinannya, maka batal puasanya.

Menurut Imam al-Malibari Rahimahullah :

Maksudnya : "Dan tidak membatakan puasa dengan sampainya sesuatu ke dalam batang hidung sehingga melebihi / melimpasi hujung khaisyum, iaitu bahagian paling dalam (rongga) hidung".

Imam as-Sayyid al-Bakri Rahimahullah ketika mensyarahkan perkataan Imam al-Malibari Rahimahullah di atas, beliau menjelaskan, jika (sampai sesuatu) melebihi hujung khaisyum maka batal puasa.

Dan sekiranya tidak melebihinya, maka tidak batal puasa.

Mengenai kedudukan puasa orang yang diambil ujian COVID-19 melalui kaedah nasopharyngeal swab pada siang hari pada bulan Ramadan, adalah tertakluk bagaimana pengambilan sampel itu dijalankan.

Sekiranya kawasan pengambilan tersebut sudah melebihi khaisyum, maka batal puasa orang yang diambil ujian tersebut. Manakala sekiranya ia masih di dalam kawasan khaisyum, maka pengambilan sampel di kawasan tersebut tidak membatakan puasanya.

Walau bagaimanapun, sekiranya pengambilan sampel ini masih dalam kawasan khaisyum, perlu juga diambil langkah berhati-hati ditakuti perbuatan pengambilan sampel akan melebihi hujung khaisyum. Ini dibuat sebagai langkah berhati-hati sebagaimana berhati-hati dalam perkara istinsyaq bagi orang yang berpuasa.

Sehubungan dengan itu, sekiranya pengambilan sampel hendak dilakukan pada bulan Ramadan, maka sebagai Irsyad dan langkah berhati-hati, pengambilan sampel tersebut lebih teratur dilakukan pada malam hari bagi mengelak berlakunya perkara yang boleh membatakan puasa iaitu dengan sengaja memasukkan sesuatu ke dalam rongga.



MINDA PEMBACA

Pupuk semangat kesukarelawanan masyarakat

PADA masa ini negara kita tidak terkecuali daripada menghadapi ancaman wabak penyakit COVID-19. Demi memastikan agar wabak tersebut tidak menular serta dapat dibendung maka pegawai dan kakitangan perubatan sebagai barisan hadapan telah dikerahkan oleh kerajaan melalui Kementerian Kesihatan untuk memikul bertanggungjawab bagi menangani penularan wabak tersebut. Walau bagaimanapun, sikap rakyat dan penduduk negara ini yang amat prihatin dan tidak camah mata dalam memberikan sokongan dan bantuan kepada kerajaan untuk sama-sama berganding bahu bagi membendung

wabak tersebut dari terus menular. Pihak kerajaan melalui kementerian-kementerian yang berkenaan telah membuka peluang bagi para sukarelawan untuk sama-sama membantu pihak kerajaan dalam melaksanakan perancangan dan dasar-dasar negara bagi menangani penularan wabak COVID-19 di negara ini. Semangat kesukarelawanan yang dipupuk selama ini terserah apabila ramai daripada kalangan individu-individu mahupun kumpulan dan persatuan serta badan-badan sukarelawan telah sanggup mencurahkan bakti, masa, dan wang ringgit bagi memastikan kesejahteraan masyarakat di negara ini.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Sedekah Pembuka Pintu Rezeki'. Tarikh Tutup : 22 April 2020
2. 'Rebutlah Ganjaran Menyemarakkan Ramadan' Tarikh Tutup : 29 April 2020
3. 'Utamakan Membaca Al-Quran Setiap Hari' Tarikh Tutup : 6 Mei 2020

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Oleh kerana semangat kesukarelawanan yang tinggi di dalam jiwa dan hati mereka, para sukarelawan tersebut bersedia membantu kerajaan dengan hanya bermodalkan keikhlasan dan rasa belas kasihan tanpa mengharapkan balasan dan pujian untuk sama-sama berusaha dalam memastikan kesihatan dan keselamatan masyarakat di negara ini terjaga.

Perkara ini juga menjadi perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Titah Perutusan Khas pada 20 Syaaban 1441H bersamaan dengan 13 April 2020M yang lalu dan telah

memperkenankan untuk memberikan eluan khas kepada semua kakitangan barisan hadapan termasuklah para sukarelawan sebagai satu penghargaan kerajaan baginda yang bermula pada bulan Mac dan dilanjutkan sehingga berakhirnya wabak COVID-19 ini.

Pada masa yang amat mencabar ini mari kita doakan para sukarelawan serta pegawai dan kakitangan barisan hadapan agar diberikan kekuatan mental dan fizikal dalam melaksanakan segala tugas demi mejaga Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Nama : Sheikh Azry bin Sheikh Hassan
No. K/P : 01-046949 (K)

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Waktu operasi kaunter perkhidmatan elektrik di bulan Ramadan

Siaran Akbar : Jabatan Perkhidmatan Elektrik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik ingin memaklumkan kepada orang ramai terhadap perkhidmatan kaunter sempena awal bulan Ramadan dan waktu perkhidmatan kaunter di bulan Ramadan 1441 Hijrah bersamaan 2020 Masihi.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Elektrik memaklumkan bahawa Kaunter Pembayaran dan Pembelian Token Meter Pra-Bayar akan ditutup pada Sabtu, 2 Ramadan 1441 Hijrah bersamaan 25 April 2020, iaitu sebagai ganti pada Jumaat, 1 Ramadan 1441 Hijrah bersamaan 24 April 2020.

Pembelian Token Meter Prabayar boleh dibuat melalui Cash Deposit Machine (CDM) di ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama Berakas dan Cawangan Elektrik Seria dan melalui Powerkad juga Online Banking.

Dalam masa yang sama, Jabatan Perkhidmatan Elektrik turut memaklumkan kepada orang ramai bahawa waktu kaunter beroperasi di bulan Ramadan adalah dari Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam 8.15 pagi sehingga 12.00 tengah hari. Manakala Jumaat dan Ahad, kaunter perkhidmatan adalah ditutup.

Kempen Pembersihan diteruskan di Gerai Kampung Kiudang



KEMPEN Pembersihan Premis Pasar, Gerai dan Tamu di Gerai Kampung Kiudang dikendalikan bersama agensi kerajaan, seperti Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah Tutong juga pemilik-pemilik gerai berkenaan.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Isnin, 20 April. - Dalam usaha mempertingkatkan lagi langkah-langkah kewaspadaan dan membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan demi keselamatan orang awam juga berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan,

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan-jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah mengadakan Kempen Pembersihan Premis Pasar, Gerai dan Tamu.

Sehubungan itu, ini adalah salah satu inisiatif Kempen Pembersihan tersebut yang diteruskan lagi di

Gerai Kampung Kiudang dan dikendalikan bersama agensi kerajaan, seperti Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah Tutong juga pemilik-pemilik gerai berkenaan.

Kempen berkenaan merupakan satu inisiatif KHEDN dalam memastikan persekitaran yang bersih dan selamat juga menyahut seruan Kementerian Kesihatan untuk sentiasa menjaga kebersihan sepanjang masa, sekali gus membendung lagi penularan pelbagai penyakit berjangkit.

Tip KESIHATAN

PRINSIP PEMAKANAN SIHAT

Kepentingan memakan sayur-sayuran dan buah-buahan





1. Kaya dengan khasiat vitamin A, C, E dan K, galian, seperti kalium, kalsium dan zat besi.
 2. Mengandungi serat yang boleh membuatkan kita berasa kenyang dengan cepat, mengelakkan sembelit serta mengurangkan risiko penyakit usus dan kanser.

Saranan cara pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran

BUAH-BUAHAN

- Hendaklah dimakan ketika ia masih segar.
- Ditambah dalam salad atau rojak.
- Dibuat jus. Dibuat menjadi *smoothies* atau *milkshake*.
- Aiskrim.
- Pilihan snek yang sihat.

SAYUR-SAYURAN

- Dimakan ketika ia masih segar seperti ulam, salad dan rojak.
- Dibuat jus.
- Dibuat sup yang dikisar.

MINUMAN SIHAT

Minum enam hingga lapan gelas air sehari

- Badan mengandungi 55 hingga 60 peratus air.
- Air tidak mengandungi tenaga (kosong kalori).
- Minuman yang mengandungi gula boleh merosakkan gigi dan menjurus kepada berat badan yang berlebihan.



Kepentingan meminum air

- Menghilangkan rasa haus.
- Menyejukkan badan.
- Melancarkan penghadaman makanan.
- Membantu penyerapan zat.
- Membantu pembuangan toksin.
- Meningkatkan kadar pembakaran tenaga.
- Meningkatkan konsentrasi minda (lebih fokus).
- Mencantikkan kulit.

Ular sawa dua meter berjaya ditangkap



KEJADIAN yang berlaku di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Jalan Menteri Besar itu menyaksikan anggota bomba wanita bertindak dengan menggunakan *snake catcher* untuk menangkap ular sawa tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Cawangan Operasi 'C'

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Cawangan Operasi 'C', Daerah Brunei dan Muara menerima satu panggilan kecemasan berikutan seekor ular sawa berukuran dua meter panjang dan tiga sentimeter lilitan berada di bawah enjin kereta kepunyaan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) di luar kawasan bangunan.

Balai Bomba Unit Operasi

Wanita dikerahkan ke tempat kejadian yang dianggotai seramai lima orang anggota dengan menggunakan sebuah jentera. Gerakan tersebut diketuai oleh ASO Hajah Habyah binti Haji Ya'akub.

Kejadian yang berlaku di JIPK, Jalan Menteri Besar itu menyaksikan anggota bomba wanita bertindak dengan menggunakan *snake catcher* untuk menangkap ular sawa tersebut.

Justeru, JBP menyarankan kepada orang ramai supaya melaporkan kepada pihak JBP jika ternampak binatang liar dan seumpamanya berkeliaran di kawasan rumah atau premis bangunan.

Jangan sesekali menghampiri atau berhasrat untuk mengancam binatang berkenaan bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, biskita hendaklah terus berhubung kepada Pusat Gerakan JBP melalui Talian Kecemasan JBP 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.

Padah mencuri, dipenjara lapan bulan



SUSPEK Mohammad Shamrin bin Jumat, berumur 32 tahun.



SUSPEK, Norsidahwati binti Mohd. Tuddin, berumur 49 tahun.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

MUARA, Isnin, 20 April. - Dua kerosakan mesin kerusi urut di dalam sebuah kedai dobi layan sendiri kawasan Kampung Serasa dilaporkan ke Balai Polis Muara, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) pada 13 Februari 2020.

Hasil pemeriksaan menerusi rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di dalam kedai tersebut, mendapat seorang lelaki menyungkit tempat penyimpanan wang mesin kerusi urut menggunakan benda tajam diperayai gunting besi kecil dan menyerahkan wang diperoleh kepada seorang perempuan yang bersamanya di tempat kejadian. Sementara itu, hasil wang yang diperoleh sebanyak BND17 digunakan untuk membeli barang makanan dan easi kad.

Siasatan lanjut dijalankan hingga membawa penahanan terhadap dua orang suspek yang tidak mempunyai pekerjaan bernama Mohammad Shamrin bin Jumat, berumur 32 tahun dan Norsidahwati binti Mohd. Tuddin, berumur 49 tahun.

Kedua-dua suspek dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan bagi menghadapi pertuduhan di bawah Seksyen 380 Curi di Dalam Bangunan dan Seksyen 426 Rosak Barang, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22.

Hasil daripada perbicaraan, pihak Mahkamah menjatuhkan hukuman kepada kedua-dua tertuduh dengan hukuman penenjaraan selama lapan bulan bermula pada tarikh 20 April 2020.

PPDB menegaskan kepada orang ramai agar bertindak lebih bijak dan mencari jalan lebih baik dalam mencari hasil mata pencarian agar tidak terdorong hingga terjerumus ke perlakuan jenayah demi kepentingan diri sendiri yang menyalahi undang-undang di negara ini.



جایت ڤوام نکارا
PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI | NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN



- Imbas QR Kod

- Isikan borang soalselidik



- Mengembalikan borang yang lengkap ke kaunter Tingkat 1 Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah atau melalui Email: rom@agc.gov.bn



- Mengambil Sijil Perkahwinan 2 hari selepas mengembalikan borang yang lengkap
- Membuat Pembayaran

WAKTU KAUNTER PEMBAYARAN :

Isnin - Khamis : 9 pagi - 11 pagi

Sabtu (Tutup)

Emel: rom@agc.gov.bn

Hubungi Kami:

(+673) 2231200

(+673) 2231233

www.agc.gov.bn

QR Kod





Apa Pendapat Biskita?

Masyarakat perlu sama-sama berganding bahu membendung jenayah

MUTAKHIR ini, masalah-masalah jenayah yang berlaku di negara ini kian menjadi-jadi 'bagai cendawan tumbuh selepas hujan'. Kes-kes jenayah seperti pengedaran dadah, rasuah, pelacuran dan sebagainya kerap menghiasi dada-dada akbar. Sebenarnya, kes jenayah dapat dibahagikan kepada enam kategori, jenayah berat yang melibatkan senjata, jenayah ringan seperti gengsterisme dan vandalisme, jenayah narkotik yang melibatkan kes pengedaran dan penyeludupan dadah, jenayah komersial seperti kes maksiat, pelacuran dan perjudian, jenayah perdagangan yang merangkumi isu rasuah dan korupsi serta jenayah kolar putih yang melibatkan jenayah oleh golongan profesional.

Pihak kerajaan telah bertungkus-lumus memerlukan otak untuk mencari mekanisme yang lebih efektif dalam menangani masalah jenayah yang menular dalam kalangan masyarakat hari ini. Namun, kes-kes jenayah dilaporkan semakin meningkat, terutamanya jenayah berat seolah-olah dasar yang diambil kerajaan seperti kurang berkesan. Justeru, langkah-langkah yang drastik perlu diambil bagi mengelakkannya.

Apa Pendapat Biskita kali ini turut mendapatkan beberapa pandangan dan pendapat mengenai langkah-langkah mengurangkan masalah / kes jenayah di negara ini.

"Pada hemat saya, pihak kerajaan merupakan tonggak utama dalam usaha membanteras masalah jenayah yang kian meruncing ini. Bermula dari aspek pentadbiran, pihak kerajaan haruslah menguatkuasaan undang-undang yang sedia ada dengan tegas. Selain itu, pindaan akta-akta yang sedia ada juga wajib dilaksanakan berlandaskan kategori jenayah masing-masing. Langkah penguatkuasaan undang-undang dan penggubalan akta yang bakal mengenakan hukuman setimpal terhadap pesalah narkotik akan menyebabkan mereka takut untuk melakukan kesalahan jenayah dan hal ini diyakini akan dapat menangani masalah jenayah di negara ini."

Pendek kata, penguatkuasaan undang-undang dan penggubalan akta yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan sebagai cara terbaik untuk mengurangkan masalah jenayah. Sementara pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan berisiko tinggi juga merupakan cara efektif untuk mengawal kes jenayah seperti bank, kawasan perumahan, sekolah, taman permainan dan banyak lagi.

Hal ini demikian supaya pihak polis dapat mengecam muka penjenayah, merakam semula kejadian jenayah tersebut serta membuat analisis secara terperinci yang dapat membantu menyelesaikan kes jenayah sehingga tertangkapnya penjenayah terbabit. Oleh itu, CCTV patut ditempatkan di kawasan berisiko tinggi supaya masalah jenayah di negara kita dapat dikurangkan". - Razali Rahman, BSB.

"Tidak dapat disangkal bahawa pendidikan merupakan wahanan penting dalam usaha mencegah masalah jenayah yang berlaku di negara kita. Selain langkah drastik, kerajaan turut menggunakan pendekatan psikologi sebagai alternatif dalam mengurangkan masalah jenayah, khasnya dalam kalangan remaja. Walaupun pendorong kepada peningkatan jenayah berat merupakan golongan dewasa seperti pembunuhan upahan dan seumpamanya, golongan remaja juga perlu disuntik dan ditanam dengan ajaran moral dan pegangan akidah yang utuh untuk memastikan agar mereka tidak cenderung ke arah melakukan jenayah, bak kata pepatah, 'melentur rebung biarlah dari rebungnya'."

Penerapan nilai-nilai murni dalam mata pelajaran Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam di peringkat sekolah akan dapat mendedahkan para pelajar tentang norma hidup masyarakat yang berkiblatkan kasih sayang dan perpaduan. Hal ini secara implisitnya dapat menyemai nilai murni dan ajaran agama yang kukuh dalam jiwa pelajar agar mengelakkan diri daripada terjebak dalam kes jenayah. Program Latihan Khidmat Bakti Negara berobjektifkan melahirkan modal insan yang berintegriti juga merupakan langkah yang efisien dalam memupuk semangat kekitaan dan perpaduan dalam kalangan generasi muda.

Dengan adanya pendekatan psikologi ini, pelajar akan meletakkan perpaduan dan keamanan negara sebagai keutamaan. Hal ini penting dalam mengurangkan masalah jenayah dalam kalangan masyarakat". - Awang Saifullah Hizam Haji Mohammad Ali, Tutong.

"Usaha yang paling utama dan efisien adalah cara komunikasi dan pergaulan antara ibu bapa, adik-beradik dan rakan-rakan. Ibu bapa khususnya perlu bijak dalam hal mendidik anak agar tidak terjerumus dalam perkara sosial seperti gejala jenayah. Ibu bapa perlu memberi pendidikan yang berkaitan hal agama sejak kecil supaya anak-anak menyedari perkara tersebut sama ada salah atau betul. Janganlah sampai nasi sudah menjadi bubur, barulah ibu bapa kelam kabut untuk mengambil tindakan yang sememangnya amat susah diterima oleh para remaja yang mempunyai pendirian yang tersendiri."

Seterusnya ibu bapa pulak tidak seharusnya bersikap lepas tangan dalam mendidik anak-anak disebabkan kesibukan bekerja dan melepaskan tanggungjawab kepada pembantu rumah. Jadi ibu bapa harus memberi perhatian yang secukupnya kepada anak-anak supaya mereka menganggap ibu bapa sering menjadi tempat berlindung dan tempat mengadu masalah. Selain itu, antara inisiatif yang dapat kita ambil sebagai langkah mencegah jenayah yang merupakan isu terpenting di negara ini ialah dengan mewujudkan konsep bandar dan kampung-kampung selamat.

Konsep ini merangkumi suatu skop yang sangat besar untuk dibincangkan. Pelbagai langkah telah dilaksanakan dalam proses mewujudkan konsep ini, antaranya dengan pengawalan rapi oleh pihak-pihak tertentu seperti Rukun Tetangga, Polis dan sebagainya dalam usaha memastikan kawasan tersebut bebas daripada kes-kes kecurian, rompakan, rogal, rugut dan sebagainya. Bantuan daripada alat-alat teknologi pada zaman kini dapat membantu kita menyempurnakan konsep bandar dan pekan selamat. Kamera-kamera litar tertutup boleh dipasang sebagai langkah berjaga-jaga. Medium ini dapat menjadi bukti apabila sesuatu kes jenayah berlaku di kawasan tersebut". - Ardilla binti Suhaili, Jangsa.

Selain itu, pada pandangan saya selaku penulis Apa Pendapat Biskita, kerajaan juga boleh memperkasakan ekonomi negara bagi meningkatkan peluang pekerjaan. Bagaimana isu ini dikatakan menjadi usaha untuk mencegah jenayah yang sedang kita bincangkan? Dengan usaha kerajaan ini, peluang pekerjaan untuk pemuda-pemudi tiang negara dapat ditingkatkan. Perkara ini dikatakan dapat mencegah jenayah kerana antara faktor seseorang melibatkan diri dalam kancan jenayah ialah kerana gagal mendapatkan pekerjaan bagi menampung hidup.

Oleh itu, mereka mengambil jalan mudah dengan melibatkan diri dalam jenayah seperti kongsi gelap, pengedaran dadah, perompak dan sebagainya. Sekiranya mereka memiliki satu pekerjaan yang tetap, sekurang-kurangnya mereka sudah memiliki penggantungan untuk menampung hidup selain melalui cara yang diharamkan agama mahupun negara. Secara tuntasnya, antara usaha yang boleh dilakukan kerajaan bagi mencegah jenayah di Negara Brunei Darussalam adalah dengan memperkasakan bidang ekonomi bagi meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat negara kita.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Kerja Sambilan dan Pelajar : Keperluan atau Tuntutan.
- ii. Amalan Rasuah dan Langkah-Langkah Menanganginya.



jungkar-jungkar bermaksud menganjur ke depan atau kedudukan sesuatu biasanya kayu, besi, papan, dan sebagainya yang melebihi paras atau had.

Contoh pemakaian kata : luan **jungkar-jungkar** jua kayu ani, tarantukku pulang.

ubaya-ubaya bermaksud hati-hati atau beringat-ingat.

Contoh pemakaian kata : **ubaya-ubaya** jua kan turun ke laut atu, jangan luan baibun.

bangat bermaksud deras tentang arus air laut atau aliran air sungai.

Contoh pemakaian kata : inda barapa makan lauk atu, luan **bangat** di laut tadi.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG MANIUP



Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BADAK BARANDAM UBI MANIS

BAHAN-BAHANNYA :

Bahan 1

1 cawan ubi manis rebus yang telah dilecek

2 cawan tepung pulut

1 / 2 sudu garam

Gula melaka secukupnya untuk inti

Bahan 2

2 1 / 2 cawan santan

2 sudu makan tepung beras

1 sudu teh garam

4 sudu makan gula pasir

3 helai daun pandan

CARA MEMBUATNYA :

Kuah santan (Bahan 2) :

Campurkan kesemua Bahan 2 dan kacau di atas api sehingga mendidih selama dua minit lalu ketepikan dan biarkan hingga sejuk.

Doh (Bahan 1) :

Campurkan garam ke dalam ubi manis yang telah dilecek juga tepung pulut jika perlu untuk dijadikan seperti bebola sebesar ibu jari, kemudian dileperkan dan masukkan inti gula melaka. Setelah itu, masukkan ke dalam air yang sudah mendidih satu persatu. Apabila doh tersebut timbul biarkan dahulu selama dua minit untuk masak lalu diangkat dan dimasukkan ke dalam kuah santan.

DI-TERBITKAN
DUA KALI
SA-BULAN

TAHUN 5. BIL. 8.

PELITA BRUNEI



PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

BANDAR BRUNEI, RABU, 20 APRIL, 1960 (23 Shawal, 1379)

AKHBAR RASMI

INFORMATION OFFICE OF THE RAJA
NEGERI BRUNEI

RECEIVED

20 APRIL 1960

PERCHUMA

RANCHANGAN KEMAJUAN \$30 Juta

*Sekolah2 dan
clinic2 akan
di-dirikan*

BANDAR BRUNEI. — Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang di-Lapau Diraja pada hari Ithnin lepas telah meluluskan anggaran belanjawan tambahan hampir \$30,000,000 banyaknya untuk ranchangan2 kemajuan bagi tahun ini.

Antara perbelanjaan2 yang besar ia-lah \$7,542,239 bagi Pejabat Kerja Raya dan \$3,520,357 ia-lah peruntukan kerana perbekalan2 ayer.

Pejabat Pelajaran akan mendapat anggaran tambahan sa-banyak \$3,277,746 dan ranchangan2 perumahan \$1,605,535.

Dalam uchapan pembukaan majlis Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa tambahan anggaran belanjawan itu di-minta untuk melaksanakan ranchangan2 yang telah di-jalankan dan juga bagi ranchangan2 baharu.

Baginda berkata :—


“Perlaksanaan ranchangan2 ini akan merupakan satu langkah besar ka-arah kemajuan ekonomi negeri ini. Mudahan2 faedah2nya akan tetap lagi sa-jati.

“Banyak lagi sekolah2 akan dibina untuk memberi pelajaran kepada anak2 kita sakalian dan banyak lagi tempat2 berubat akan di-adakan.”

PENUBOAHAN JAWATAN KUASA KELEBEHAN2

BANDAR BRUNEI. — Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang di-Lapau Diraja di-sini pada hari Ithnin telah melantek ahli2 yang berikut menjadi anggota2 Jawatan Kuasa Kelebehahan2 bagi Majlis Meshuarat Negeri.

Inche Jamil bin Pehin Khatib Umar (pengurus), Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar, Inche Shahbudinbin Salleh, Inche Ghazali bin Omar dan Pehin Laksamana Haji Mohd Taha.



Duli Yang Maha Mulia membacha uchapan titah membuka persidangan Majlis Meshuarat Negeri yang di-adakan di-Lapau Diraja, Bandar Brunei pada hari Ithnin. Di-hadapan baginda ia-lah Tuan Speaker, Dato Paduka Haji Ibrahim.

Putera2 Diraja akan memasuki sekolah Inggeris di-Malaya

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri Brunei akan berangkat ka-Malaya dan bulan ini bersama2 dengan putera2 baginda yang akan melanjutkan pelajaran di-Kuala Lumpur.

Putera2 Duli2 Yang Maha Mulia itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah, dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah telah di-puterakan di-Brunei pada 15 July, 1946, dan Pengiran Muda Mohamed Bolkiah pada 27 August, 1947.

Kedua orang putera itu telah mendapat pelajaran Melayu di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei, dan telah belajar bahasa Inggeris di-Sekolah Istana.

Antara rakan2 putera2 baginda yang akan berangkat ka-Kuala Lumpur untuk belajar di-sabuah sekolah ia-lah dua orang putera2 yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, tiga orang putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan sa-orang putera Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara ia-lah Pengiran Anak Abdul Rahman dan Pengiran Anak Apong.

Putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha ia-lah Pengiran Anak Yusof, Pengiran Anak Jaafar dan saudara kembaran Pengiran Anak Puteh.

Putera Yang Berhormat Pengiran Ali ia-lah Pengiran Anak Kamarulzaman.

Sa-lain dari itu, sa-orang puteri Duli Pengiran Pemancha, Pengiran Anak Saleha akan juga berangkat bersama2 rombongan itu untuk belajar di-sabuah sekolah perempuan di-Kuala Lumpur.

Ahli2 Jawatankuasa Kira2 Kerajaan

BANDAR BRUNEI. — Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang di-Lapau Diraja di-sini pada hari Ithnin telah melantek ahli2 yang berikut menjadi anggota2 Jawatan Kuasa Kira2 Kerajaan :

Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar (pengurus), Inche Abdul Manan bin Mohamed, Tuan George Newn Ah Foot, Inche Md. Hashim bin Tahir, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar, Pehin Jawatan Dalam Haji Awang bin Mohammed Noor dan Pengiran Jadid bin Pengiran Nasaruddin.

AHLI2 BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang ahli Majlis Meshuarat Negeri, Tuan P.M. Linton, Inche Idris bin Babji dan Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah mengangkat sumpah dalam persidangan majlis pada hari Ithnin lepas.

* * * * *

KEMAJUAN
PERLU
BERJALAN
SA-CHARA
BERANSOR2

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah beritah supaya pegawai2 yang baharu tiba di-negeri ini di-beri masa untuk mensesuaikan diri mereka dengan keadaan2 negeri dalam tugas mereka menyusun pertadbiran mengikut perlombagaan.

Baginda berkata, “Beta perchaya pendudok2 negeri ini menaroh harapan penoh agar perlombagaan baharu itu akan memberi faedah ke-ma’moran yang lebuh kapada negeri ini.

“Akan tetapi perlombagan itu tidak-lah juga dapat kita sifatkan sa-bagai satu penawar yang ajaib. Dalam kehidupan sa-sabuah negeri dan bangsa kerajaan yang sekarang ini tidak-lah dapat menghuraikan masaalah2 yang lampau dan sa-terusnya pula menyelenggarakan kemajuan2 yang baharu dalam tempoh yang sangat singkat.

“Apa2 kemajuan ka-arah perlombagaan atau lain2 perkembangan terpaksa-lah di-lakukan beransor2 dan sa-bagai kewajipan yang pertama mustahak-lah disusun sa-mula chara pertadbiran untuk mensesuaikan-nya dengan kehendak2 perlombagaan.

* * * * *

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Jabatan Penerangan dan Ihsan
Kementerian Kesihatan



Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan menepati standard, kualiti dan functionality

BANGUNAN tambahan Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan yang terletak di Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan telah pun beroperasi, di mana pembinaan makmal ini merupakan satu inisiatif pihak kerajaan dalam usaha menambah kapasiti dan mempercepatkan proses ujian makmal bagi COVID-19 di negara ini. Bangunan makmal yang berjaya disiapkan dalam tempoh dua minggu bermula 17 Mac 2020 dengan harga kira-kira BND590,000.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaiim bin Haji Gafar dalam wawancara bertulis menjelaskan, pihak pemborong LSL Sendirian Berhad dengan kerjasama beberapa pembekal-pembekal dan konsultan tempatan menyiapkan bangunan makmal ini seperti yang dirancang, yang mana semua kos perbelanjaan ini adalah ditanggung sendiri sepenuhnya oleh pemborong berkenaan.

Cabaran

Dalam pelaksanaan *fast track* projek, Yang Berhormat menyatakan, perkara penting yang diperlukan ialah mempunyai satu pasukan projek (*project team*) yang komited dan benar-benar mengetahui akan keperluan projek berkenaan, di samping berpengalaman dalam mengendalikan projek.

Ia bukan hanya membuat keputusan dengan cepat dan tepat (*on the spot*), malah juga boleh melihat dan menyelesaikan isu atau masalah sebelum ia terjadi.

"Matlamat utama ialah untuk menyiapkan

projek ini dalam jangka waktu yang ditetapkan tanpa menjelaskan standard dan kualiti serta *functionality* bangunan berkenaan. Oleh itu, persediaan awal bagi mendapatkan maklumat-maklumat serta keperluan yang penting dan tepat daripada pihak pengguna (*client*) adalah sangat mustahak kerana ia perlu diselaraskan pada peringkat reka bentuk dan di dalam menyediakan skop yang tepat," tambah Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, koordinasi di antara semua pihak yang terlibat di dalam pasukan projek menjadi satu perkara yang sangat penting dalam mengurus perjalanan projek ini. Ini adalah antara cabaran awal yang perlu dihadapi bagi menyiapkan projek seperti ini dalam tempoh yang singkat.

Cabaran pada peringkat pelaksanaan pula, jelas Yang Berhormat, adalah untuk memastikan bahan binaan mudah didapati di negara ini, di samping pengurusan barang-barang dan peralatan logistik seperti jentera berat dan mesin-mesin yang sesuai, serta mempunyai pekerja yang ramai, mahir dan berkebolehan (*skill workers*) dalam apa jua kerja seni binaan.

Yang Berhormat menambah, cabaran yang besar ialah untuk memastikan peralatan-peralatan mekanikal dan elektrikal dapat didatangkan dengan segera, seperti alat penghawa dingin dan *transformer* yang tiada stok di negara ini bagi kegunaan pembinaan sebuah makmal.

"Makmal ini perlu beroperasi dalam masa dua minggu, maka pembinaan bangunan perlulah siap dalam masa tempoh

satu minggu dan selebihnya bagi pemasangan peralatan-peralatan makmal tersebut. Alhamdulillah, semua cabaran ini dapat diatasi dan ditangani dengan baiknya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, dalam peringkat mereka bentuk atau *design stage* bangunan, bahan binaan yang dikenal pasti untuk digunakan ialah pasang siap dan mudah dipasang dengan cepat.

"Misalnya penggunaan besi atau *steel work* bagi rangka *framework* bangunan, penggunaan bahan pasang siap bagi dinding, jendela dan sebagainya yang mudah didapati di negara kita dan cepat dipasang. Manakala barang-barang peralatan yang perlu didatangkan dari luar negeri dengan segera, perundingan yang cekap dengan pihak yang tertentu perlu diselaraskan terlebih dahulu," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, koordinasi dan pengurusan yang tinggi di antara semua pihak adalah sangat kritikal kerana kerja-kerja ini perlu diteruskan tanpa henti mengikut *shift* yang telah ditentukan.

Yang Berhormat juga turut menjelaskan, pengurusan dan pasukan projek perlu sentiasa berinteraksi dan berkomunikasi setiap masa dengan pihak kontraktor, pembekal dan agensi-agensi yang terlibat bagi memudahkan cara proses kebenaran dan pembinaan, serta membuat pengurusan awal dari segi pembahagian kerja, mengatur dan menyediakan program kerja dan memantau serta membuat pengawasan yang rapi mengikut *sequence of works*.

Yang Berhormat menambah, dengan adanya pengawalan dan pengurusan yang rapi dan komitmen yang tinggi, maka pelaksanaan projek ini berjalan dengan lancar seperti yang dirancang dan dapat disiapkan dalam jangka masa yang singkat.

Kemudahan

Kemudahan yang terdapat di makmal ini ialah Sample Reception, Reagent Preparation, Sample Preparation, Amplification Area, Medical Waste Room, Stor, Bilik Solat, Tandas, Ruang Pejabat, Bilik Sekuriti, Pagar Keselamatan dan Tempat Letak Kereta, ujar Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat lagi, memandangkan bangunan tersebut adalah bangunan terkawal, ia turut dilengkapi dengan pengawasan CCTV dan sekuriti.

Reka bentuk bangunan berkenaan juga adalah mengikut piawaian yang sedia ada, termasuk keperluan keselamatan makmal yang dinyatakan oleh pihak pengguna serta mengikut SOP yang disediakan, termasuklah pemantauan dan pengawalan pencemaran alam sekitar yang rapi.

Petugas Makmal

Bagi penempatan kakitangan yang menjalankan ujian makmal akan ditempatkan seramai tujuh orang dalam satu masa dan bertugas secara bergilir-gilir (*shift*) manakala seramai 26 kakitangan yang menjalankan tugas akan dilatih di kawasan makmal yang berlainan.



Indonesia: Penjara maksimum setahun, denda Rp100 juta jika balik kampung sambut Aidilfitri

JAKARTA, 21 April - Rakyat Indonesia yang didapati bersalah "mudik" atau balik ke kampung bagi menyambut Aidilfitri 1441 Hijrah boleh dikenakan hukuman penjara dan denda, kata Direktor Jeneral Perhubungan (Pengangkutan) Darat, Budi Setiyadi dipetik media tempatan.

Beliau berkata larangan bermudik itu berkuat kuasa 24 April ini, mereka yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman maksimum penjara setahun dan denda maksimum Rp100 juta (hampir RM30,000).

Hari ini, Presiden Indonesia Joko Widodo mengumumkan rakyat negara itu dilarang 'bermudik' atau balik kampung bagi menyambut Aidilfitri 1441 Hijrah, dalam usaha menangani penularan pandemik COVID-19.

Kes positif di Indonesia terus meningkat kepada 7,315 dan sudah menular ke semua 34 provinsi di Indonesia, dengan jumlah kematian bertambah kepada 616 orang.

"Mudik semuanya akan kita larang," kata Jokowi di Istana Presiden Jakarta, dalam siaran langsung yang disiarkan YouTube rasmi Sekretariat Presiden.

Sebelum ini, pemerintah Indonesia hanya menasihatkan agar orang ramai tidak bermudik dan larangan itu dikuatkuasakan kepada anggota polis, tentera dan penjawat awam sahaja.

Sementara itu, jurucakap Pemerintah Indonesia berkenaan COVID-19, Achmad Yurianto berkata lebih 16,000 pesakit masih di bawah pengawasan.

"Bagi tempoh 24 jam, dari 12 tengah hari semalam sehingga 12 tengah hari ini, 26 lagi kematian dilaporkan, sebanyak 375 kes positif baharu, menjadikan jumlah kes 7,135 manakala 16,763 pesakit dalam pengawasan," katanya pada sidang media hariannya. - ©BERNAMA

Myanmar : Kenderaan WHO bawa sampel COVID-19 diserang

YANGON, 21 April - Sebuah kenderaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang membawa sampel COVID-19 diserang Tentara Arakan di Rakhine, Myanmar, lapor agensi berita Xinhua pada Selasa.

Memetik laporan media tempatan kenderaan itu - dalam perjalanan untuk menghantar sampel ke makmal di Yangon, diserang kumpulan bersenjata berhampiran jambatan Yarlung di bandar Rakhine di Minbya pada Isnin petang.

Pemandu kenderaan itu serta seorang petugas kesihatan turut cedera dalam kejadian berkenaan dan dikejarkan ke hospital.

Bagaimanapun, pemandu disahkan meninggal dunia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Myanmar menerusi status yang dimuat naik dalam laman sosial Facebook pada Selasa. - ©BERNAMA

COVID-19 : Trump gantung kemasukan imigrasi

WASHINGTON, 21 April. - Presiden Donald Trump pada Isnin berkata beliau akan menandatangani perintah eksekutif untuk menggantung sementara kemasukan imigrasi ke Amerika Syarikat (AS) akibat pandemik COVID-19, lapor agensi berita Anadolu.

"Mengambil kira serangan musuh yang tidak dapat dilihat dan juga perlunya melindungi pekerjaan rakyat Amerika, saya akan menandatangani Perintah Eksekutif untuk menggantung sementara imigrasi ke Amerika Syarikat!" tulis Trump di akaun Twitternya. Beliau tidak memberikan tempoh masa bila untuk menandatangani perintah eksekutif itu.

Pengumuman itu dibuat di tengah-tengah kritikan terhadap presiden dan pemerintahannya yang didakwa gagal menangani pandemik COVID-19, kini meragut lebih 42,000 nyawa di AS.

Baru-baru ini AS menutup sempadannya dengan Kanada dan Mexico bagi perjalanan tidak penting manakala pada pertengahan Mac, Jabatan Negara menghentikan semua perkhidmatan visa untuk kebanyakan negara dunia.

AS negara paling teruk terjejas di dunia, menyaksikan jumlah jangkitan dan korban akibat COVID-19, masing-masing sebanyak 787,000 kes serta 42,308 kematian, manakala lebih 72,700 orang pesakit pulih. Di seluruh dunia lebih 2.4 juta orang dijangkiti dengan lebih 170,000 kematian. - ©BERNAMA

ZPP teruskan pembayaran zakat fitrah secara konvensional

BUKIT MERTAJAM, 21 April - Zakat Pulau Pinang (ZPP) akan meneruskan kutipan zakat fitrah secara konvensional dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan menyediakan beberapa prosedur operasi standard (SOP).

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP Amran Hazali berkata langkah itu diambil selepas mendapat nasihat daripada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berikutnya ada permintaan segelintir umat Islam yang lebih selesa dengan cara konvensional yang menjadi amalan sejak sekian lama.

Bagaimanapun, beliau berkata ZPP lebih menggalakkan pembayar zakat di negeri ini menunaikan kewajipan mereka secara atas talian menerusi aplikasi mudah alih SnapNPay, perkhidmatan JomPay, QR Code Bank Muamalat Malaysia Berhad, perkhidmatan FPX melalui portal www.zakatpenang.com dan perbankan internet Maybank2u.com dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19.

"Bagi memastikan kaedah kutipan zakat fitrah secara konvensional ini mematuhi peraturan-peraturan sepanjang tempoh PKP seperti penjarakan sosial dan larangan berkumpul, ZPP telah berusaha mendapatkan nasihat daripada JKN Pulau Pinang. Ini dilakukan supaya semua amil yang dilantik boleh mengikuti garis panduan dengan lebih mudah dan efektif.

"Antara SOP yang ditetapkan adalah kedua-dua pembayar zakat dan amil yang dilantik harus berada dalam keadaan yang sihat dan tidak mengalami sebarang gejala yang dikaitkan dengan COVID-19, sentiasa memakai penutup muka, menjaga penjarakan sosial, tidak bersalaman setelah akad serta segera beredar selepas urusan selesai," katanya pada sidang media, di sini hari ini.

Menyedari kemungkinan semua masjid dan surau belum boleh dibuka selagi penularan COVID-19 belum berada di tahap sewajarnya, Amran berkata ZPP mencadangkan kariah masjid dan surau membuka kaunter pembayaran zakat fitrah di balai raya, dewan serbaguna, kaunter



BUKIT MERTAJAM, 21 April -- Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang Amran Hazali menunjukkan tatacara khas pembayaran zakat fitrah 1441H pada penularan wabak COVID-19 (Kaedah Konvensional) ketika mengadakan sidang media hari ini. - ©BERNAMA

sementara pandu lalu dan seumpamanya sebagai opsyen yang boleh dipertimbangkan.

Katanya pada tahun ini jumlah kariah di seluruh negeri ini adalah sebanyak 239 kariah melibatkan 1,755 orang amil yang dinauliahkan dengan sasaran



kutipan zakat tahun ini sebanyak RM5.06 juta.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman ketika dihubungi memberi jaminan kaedah pembayaran secara konvensional itu akan dilaksanakan secara terkawal dan mengikut peraturan yang ditetapkan dalam PKP.

Beliau berkata ZPP menerima hakikat bahawa ada segelintir pihak yang tidak biasa menggunakan perkhidmatan secara atas talian dan bagi meraikan golongan itu pihaknya meneruskan kaedah konvensional tersebut.

"Kaedah ini hanya kepada orang tertentu sahaja. Lagipun kebiasaannya pembayaran zakat fitrah ini tidak melibatkan ramai orang dalam satu-satu masa. Kita rasa tidak ada masalah untuk mengawal pergerakan pembayar zakat yang hadir, oleh sebab itu kita benarkan (kaedah konvensional). Tetapi kami amat menggalakkan orang ramai membayar secara dalam talian," katanya. - ©BERNAMA

COVID-19 : Jerman, Rusia terus catat peningkatan kes

BERLIN, 21 April - Jerman mencatatkan 143,457 kes jangkitan COVID-19 bertambah sebanyak 1,785 lagi kes, lapor agensi berita Xinhua menurut data Robert Koch Institute Selasa.

Sejumlah 4,598 kematian direkodkan, meningkat 194 dalam tempoh 24 jam lalu. Sementara kira-kira 95,200 pesakit sembah peningkatan sebanyak 3,700 orang berbanding hari sebelumnya.

Canselor Jerman Angela Merkel pada Isnin berkata negara itu "masih di awal wabak," walaupun hakikatnya jangkitan manusia-ke manusia masih pada kadar yang rendah dan lebih ramai pesakit sembah berbanding jumlah mereka yang dijangkiti.

"Kita harus tetap berwaspada dan berdisiplin," katanya.

Pada minggu lalu kerajaan persekutuan dan negeri bersetuju untuk membenarkan peniaga kecil dan beberapa tempat awam dibuka semula bermula Isnin, sambil mengekalkan penjarakan sosial di seluruh negara sehingga sekurang-kurangnya 3 Mei.

Beberapa negeri seperti Bavaria, Saxony dan Mecklenburg-Western Pomerania mengarahkan penggunaan penutup hidung dan mulut ketika menggunakan pengangkutan awam atau berada di kedai.

Sementara itu, Rusia merekodkan 5,642 kes baharu COVID-19 dalam tempoh 24 jam lalu, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 52,763, lapor agensi berita Sputnik - memetik pusat tindak balas koronavirus kebangsaan pada Selasa.

"Dalam tempoh 24 jam lalu, 5,642 kes COVID-19 didaftarkan di 78 wilayah. Daripada jumlah itu 2,567 (atau 45.5 peratus) kes aktif tanpa menunjukkan gejala klinikal," kata pusat itu dalam satu kenyataan. Rusia setakat ini mengesahkan 52,763 kes COVID-19 di 85 wilayah.

Sebanyak 3,083 kes baharu didaftarkan di Moscow, 718 di wilayah Moscow dan 127 di St. Petersburg.

Sementara itu, seramai 51 orang lagi meninggal dunia menjadikan keseluruhan 456.

Pesakit yang pulih pula adalah seramai 3,873 orang pertambahan sebanyak 427 lagi. - ©BERNAMA

Sekatan AS sukarkan usaha cuba perangi COVID-19

HAVANA, 21 April. - Sekatan Amerika Syarikat (AS) ke atas Cuba, menyebabkan banyak bantuan antarabangsa tidak dapat masuk ke negara ini sekali gus menyukarkan usaha memerangi pandemik COVID-19, lapor agensi berita Xinhua.

"Selain sumbangan yang penting dari China, kami menerima

bantuan banyak negara lain serta dari Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNICEF), Pertubuhan Kesihatan Pan Amerika (PAHO) dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), kata Pengarah epidemiologi Kementerian Kesihatan Francisco Duran pada Isnin.

Kerajaan dan syarikat China telah menyokong usaha Cuba untuk membendung penularan sejak kes COVID-19 pertama dilaporkan pada 11 Mac. Cuba pada Isnin melaporkan dua lagi kematian akibat COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan seramai 36 orang dan 1,087 kes jangkitan. - ©BERNAMA

Tanggungjawab sosial korporat hulur pelbagai sumbangan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (dua, kanan) menerima sumbangan dari Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar, iaitu cek berjumlah BND12,000 yang disampaikan oleh Ra'es Jawatankuasa Eksekutif Rabitah Antarabangsa Alumni Universiti Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 April. - Dalam sama-sama menangani dan membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan hari ini menerima sumbangan dari pihak-pihak penderma sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social

Responsiblty) mereka.

Terdahulu, Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar menyumbangkan cek berjumlah BND12,000 yang disampaikan oleh Ra'es Jawatankuasa Eksekutif Rabitah Antarabangsa Alumni Universiti Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Sementara itu, Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. pula menyumbangkan cek sejumlah BND50,000 yang

disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Kaneshige Kubushiro dan Guardian pula menyumbangkan sebanyak 100,000 unit penutup mulut dan hidung pembedaan (*surgical mask*) yang disampaikan oleh Ketua Perniagaan, Jennifer Yang.

Manakala, 673 Cycling Community & Friends yang diwakili oleh Adrian Tan Vui Shung dan Philip Chieng turut menyumbangkan 150,000 helai sarung tangan nitril dan menaja 25 unit katil hospital bermotor yang dijangka akan sampai ke Brunei pada awal Mei ini.

Kesemua sumbangan tersebut diterima oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar bertempat di Bilik Tetamu, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan.

Borneo Air-Conditioning & Engineering Sdn. Bhd. pula menyumbangkan DX Split Units Air-Conditioner Equipment bernilai BND30,000, Unified National Networks (UNN) Sdn. Bhd. menyumbangkan bekalan peralatan perubatan bernilai BND 20,844, Master Solutions Sdn. Bhd., Nurul HR Sdn. Bhd., Seri Nova Food Industries Sdn. Bhd. dan De Image Beauty Salon menyumbangkan 200 karton Mr Brown Coffee (24x240ml), 50 karton Indo Pop Mie Ayam (24x60gm), 20 karton Milo 3 in 1, 20 karton Nescafe dan 500 helai penutup muka (*mask*).

Kesemua sumbangan berkenaan diterima oleh Pemangku Pengarah Dasar dan Perancangan, Dayang Hajah Siti Ajar binti Haji Yusop bertempat di Bilik VIP, tingkat bawah Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, BR Elite Enterprise turut menyumbangkan 20 helai penutup mulut pakai buang, YINBA Antibacterial Disposal Gel (Hand Sanitizer) 516 botol (100ml) dan 432 botol (300ml) diikuti dengan BR Trading Company Sdn. Bhd. yang menyumbangkan 20 unit 32-inch Narutron LED TV sebanyak 20 unit dan 48 unit cerek elektrik (*electric kettle*) Narutron NEK-16C (304 Stainless Steel).

Manakala, Naturally Plus (B) Sdn. Bhd. menyumbangkan 1,500 paket IZUMO-Hydrogenated water. Kesemua sumbangan tersebut berlangsung di Dewan Al-'Afiah Kementerian Kesihatan dan diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat 1, Awang Haji Abdul Khalid As'ari bin Haji Azahari.

TCM DELPHI Sdn. Bhd. dan Syarikat Teguh Mesra Sdn. Bhd. pula masing-masing menyumbangkan cek berjumlah BND3,000 dan BND5,000 yang diserahkan kepada Pengarah Teknologi Penjagaan Kesihatan, Pengiran Hajah Saadiah binti Pengiran Muda Haji Hashim bertempat di Dewan Al-'Afiah Kementerian Kesihatan.

Turut sama menyumbangkan ialah Aewon Garment and Embroidery, Syarikat Aewon Brunei dengan cek berjumlah BND3,000, Aewon - Sherwood Protective Apparel (B) Sdn. Bhd. dengan cek berjumlah BND2,000 dan Kure Borneo Company pula menyumbangkan 14 karton air minuman Kure Oxygen.

Kesemua sumbangan tersebut diserahkan kepada Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Dayang Sufinah binti Haji Serudin berlangsung di Dewan Al-'Afiah Kementerian Kesihatan.

UNN hulur sumbangan untuk Kementerian Kesihatan



Siaran Akbar dan Foto : Unified National Networks Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 April. - Sebagai penyedia infrastruktur telekomunikasi negara, Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) akan terus memastikan untuk membangun dan memodenkan infrastruktur telekomunikasi di negara ini hingga UNN dapat memberikan pengguna hubungan juga pengalaman yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, UNN juga tetap menitikberatkan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara, terutama pada masa sukar dalam menangani wabak

PEMANGKU Pengarah Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Siti Ajar binti Haji Yusof ketika menerima tajaan dan sumbangan daripada Unified National Networks Sdn. Bhd.

COVID-19 ini.

Sehubungan itu, majlis penyerahan tajaan dan sumbangan kepada Kementerian Kesihatan diadakan di sini, disaksikan oleh pegawai juga kakitangan Kementerian Kesihatan dan UNN.

Ketua Pegawai Eksekutif UNN, Dr. Steffen Oehler menyerahkan sumbangan tersebut kepada Pemangku Pengarah Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Siti Ajar binti Haji Yusop.

UNN menyediakan sumbangan untuk pelbagai peralatan perubatan yang akan digunakan di pusat pengasingan baharu, di Tutong yang kini sedang dibina, sebanyak BND20,844.

Para pekerja UNN turut menghulurkan barang keperluan, seperti makanan ringan, makanan segera, minuman dan lain-lain untuk menunjukkan penghargaan dan terima kasih kepada petugas barisan hadapan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'SELAMAT MENYAMBUT BULAN RAMADAN AL-MUBARRAK'

دتربيتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان ڈچیتک اوله جباتن فرچیتکن کراجاں، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam